

YANG DIHAJATI TIDAK MENJADI: SEBUAH ULASAN BUKU ARY GINANJAR AUGUSTIAN, ESQ 2008

Shaharir b.M.Z.

Pusat Dialog Peradaban

Universiti Malaya

riramzain@yahoo.com

Abstract

The main reference book in the controversial “ESQ Leadership Training” is reviewed from an Islamization of knowledge perspective. This book indeed has a few original elements of a reconstruction of management and leadership sciences based on Islamic principles. This is done after a little criticism (hence very unsatisfactory) is made against the Western theories on EQ and SQ. The most unsatisfactory aspect of the book is the lack of discussion on the basic principles of Islamic emotion and spiritualism themselves which ought to be different from the present Western theories on the subjects. The absence of such discussion caused the author to miss many elements of meaningful constructive criticisms on the present theories of EQ and SQ. There is also no discussion on the concept of success itself which is the main thrust of the book, and hence the author failed to realize that there are a lot of differences between the Islamic and Western concepts of a successful person. The absence of these two major issues invites disorder, self-contradiction and indefiniteness in formulation of his ESQ theory. Thus, even though an attempt toward an Islamization of knowledge in this book should be praised but the book contains many ideas and principles which are alien or even contradict to Islam and yet the author tried very hard to uphold those ideas and principles as the truth via Islamic teachings. Many occasions, the author presented ideas from Islamic principles and adapted them to unIslamic theory of management, or strengthened them by giving practical examples or simply living or past examples of non-Muslim famous personalities which he ironically interpreted as

“successful” persons due to their internalization of those Islamic ideas and principles in his ESQ theory. This approach is well known pejoratively as Bucailleist approach in Islamization of knowledge or simply “riding on someone else’s reputation”. This method is of no benefit whatsoever the present knowledge or to Muslims and Islam but instead may well further bring Muslims to a state of inferiority complex and specifically psychological weaknesses in creativity, and worse still, bring them to a brink of embracing liberalism and pluralism. Examples of important subjects which are discussed in the book and fall into these categories are the presentation of the theory of mind zeroing and the belief in the truth brought by the inner voice which the author wrongly claims that these are the methods practiced by prophets. Another example is idolizing many Western personalities by assuming them as true practitioners of various Islamic values, the Islamic practice or Islamic principles in his ESQ theory. He disregards the facts that many of those (non-Muslim) Western personalities are/were atheists or simply never interested in any religion whatsoever. He also unequivocally states that one of the aims of his theory is to strengthen the theory of the inner voice by a famous motivator and a (Western-Christian) management guru, Stephen Covey, via one aspect of his ESQ theory, namely practice of zikr and sholaht. Further more, many things also said in the book which are not only invalid or incorrect but also not in accordance with Islamic teachings such as the claim that Galileo and Copernicus theories are in al-Qur'aan; laws in natural and social sciences are assumed to be certain or deterministic; the truth of the old planetary and atomic theories; abandoning (even unintentionally) some principles in the pillars of Islam and Iman; and make a new interpretations of Iqra' and Suraht al-Faatihah which potentially are deviating from the standard interpretations. He also obviously adopts a kind of fanaticism in believing that the number five and six (from the number of items in the pillars of Islam and Iman) are necessary in his categorization of things in his theory, such that it may potentially become another source of deviation from a true teaching of Islam. He also repeats the mistakes made by Abdul Razak Nawfal and Rashid Khalifah in believing that some numbers (not only five and six but also nineteen and a few more) are sacred. Concept of Ihsan is also not fully and satisfactorily explained. He also adopts what he called “historical method” for solving doubt which is still unscientific even one uses statistical methods to support it. Model on man-God relationships is also the usual triangular model which we think too simplistic to be an acceptable or workable model. The absence of a complete references on certain important issues in the book is also lowering the level of academic responsibility and rigour of his theory.

**Yang Dihajati Tidak Menjadi: Sebuah Ulasan Buku Ary Ginanjar Augustian,
ESQ 2008**

The author also neglects the strength of his own language (Indonesian Malay) by presumably holding a wrong language philosophy and abandoning the positive role of a language in science. Finally, we find that six of the edicts or fatwas by the Mufti of Wilayah Persekutuan on the “ESQ Leadership Training” can be defended based on this review but the other four are left to be desired. Whatever the case it may be, we do not recommend this book to be not in the market, but in fact we urge the people to read it especially those who are interested in Islamization of knowledge in leadership and managership, and perhaps make their own criticisms and propose a better Islamization on the subjects.

Abstrak

Buku yang menjadi pegangan utama di dalam “ESQ Leadership Training” yang kontroversi itu disorot di sini mengikut sudut pengIslamam ilmu. Buku ini memang ada unsur pembinaan semula ilmu kepengurusan yang asli berasaskan prinsip Islam setelah sedikit kritikan (tetapi kurang memuaskan) dilakukan terhadap teori *EQ* dan *SQ* Barat. Yang amat kurang memuaskan itu ialah kerana tiadanya bicara soal pokoknya, iaitu emosi dan rohani itu sendiri yang tentunya berbeza antara konsep emosi dan rohani Islam dengan yang bukan Islam yang sekaligus mampu mengkritik lagi teori *EQ* dan *SQ* Barat itu. Tiadalah juga dibicarakan konsep kejayaan yang menjadi perkara besar di dalam buku ini, khususnya bicara perbezaan besarnya kejayaan Islam dengan yang bukan Islam. Ketiadan dua perkara besar inilah yang mengundang bercelarunya dan tidak mantapnya buku ini. Apa pun usaha ke arah pengIslamam ilmu di dalam buku ini bolehlah dipuji. Namun di dalam pembinaan dan pengolahan ilmu berkenaan itu, buku ini amatlah banyak memaparkan idea dan prinsip yang agak asing lagi daripada Islam dan cuba menegakkan pula kebenarannya menerusi kaca mata Islam; atau pada ketika lainnya memaparkan idea daripada prinsip Islam tetapi disesuaikan dengan teori bukan Islam atau diperkuuhkannya dengan contoh amalan atau tokoh bukan Islam yang ditafsirkan menghayati idea Islam itu. Pendekatan ini, yang terkenal di dalam pengIslamam ilmu sebagai penghayatan Bucailleisme atau “penumpangan sekaki”, amat tidak cocok dengan pengIslamam ilmu yang diingini bahkan ditunjukkan tiada manfaatnya dan boleh pula membawa umat kepada kelemahan jiwa dalam berkarya (sentiasa kalah kepada bukan Islam), dan terseret kepada mendokong liberalisme dan jamakisma/pluralisme. Contoh perkara besar yang dibicarakan di dalam buku ini dan berada di dalam kategori ini ialah penampilan teori pengosongan minda dan kepercayaan kepada kebenaran yang dibawa oleh suara hati yang kononnya menjadi amalan para Nabi;

dan ramainya tokoh Barat yang diidolakannya kerana kononnya menghayati pelbagai nilai Islam, amalan Islam atau prinsip Islam yang ditonjolkan menerusi teori *ESQ* beliau itu; dan memaparkan dengan ramainya tokoh-tokoh Barat bukan Islam (setengahnya ateis atau tidak peduli agama) yang kononnya membawa kebenaran dan menjadi contoh peribadi berjaya. Beliau juga dengan jelasnya menyatakan satu daripada tujuan teorinya untuk pengukuhan teori suara hati pakar motivasi dan kepengurusan Barat-Kristian, Stephen Covey, menerusi satu aspek teori *ESQ* beliau, iaitu amalan zikir dan solat. Di samping itu, banyak juga hal-hal yang boleh dianggap tidak kena atau tersisih daripada sasaran keIslamam. Contohnya terdapatnya teori Galileo dan Copernicus di dalam *al-Qur'aan*; mengandaikan hukum di dalam sains termasuk di dalam sains sosial adalah bersifat pasti yang lama diabaikan Barat sekalipun; mengandaikan kebenaran teori planet dan atom yang sudah lama diabaikan Barat sekalipun; meninggalkan prinsip-prinsip utama di dalam rukun Islam dan rukun iman di dalam huraiyan teorinya yang kurang cermat; dan membuat tafsiran baharu *iqra'* dan *Suraht al-Faatihah* yang berpotensi ke arah melakukan *bid'ah dholalaht*. Beliau juga jelas taasub kepada bilangan lima dan enam (bilangan rukun Islam dan rukun Iman) di dalam pengkategorian perkara di dalam teorinya sehingga menjadi punca tersasarnya dan menyasarnya teori beliau itu. Beliau juga mengulangi kononnya bukti mukjizat *al-Qur'aan* ialah menerusi teori Abdul Razak Nawfal (bilangan kemunculan sesuatu kelas perkataan) dan teori Rashad Khalifa (kod 19). Di samping tiadanya penjelasan konsep *Ihsan* yang dipakai di dalam teorinya, beliau juga memperakukan "metode historis" bagi menyelesaikan keraguan yang tidak jelas dan masih meragukan walaupun jika ditafsirkan sebagai kaedah statistik sekalipun. Model hubungan manusia-manusia-Tuhan juga agak masih menghayati model lumrah tiga segi yang kami anggap kurang tepat. Ketinggalan membuat rujukan yang agak tuntas terhadap sesuatu isu yang diperkatakan atau tidak menyenaraikan rujukannya termasuk yang penting-penting juga amat menjelaskan ketanggungjawaban pengarang buku ini. Buku ini juga amatlah mengabaikan kekuatan bahasa sendiri atas pegangan salahnya terhadap falasafah dan peranan bahasa dalam ilmu. Akhirnya, kami dapati 6 daripada fatwa Mufti Wilayah memang agak boleh dipertahankan menerusi sorotan ini tetapi selebihnya (4 lagi) itu agak meleset. Apa pun kami tidak memperakukan buku ini tidak diizinkan di pasaran, malah memperakukan supaya dibaca terutamanya oleh mereka yang berminat di dalam pengIslamam ilmu kepengurusan dan kepemimpinan serta melakukan kritikan dan penambahbaikan terhadapnya.

1. Pendahuluan

Buku Ary Ginanjar Augustian yang diulas ini ialah yang judulnya diringkaskan sebagai *ESQ 2008* sahaja. Judul Penuhnya, “*Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ Emotional Spiritual Quotient. The ESQ Way 165. 1 Ihsan, 6 Rukun Iman dan 5 Rukun Islam*”, cetakan ke-43 Augustus 2008 terbitan Arga Publishing, Jakarta Indonesia, ISBN 979-96271-0-9. Berdasarkan pada bilangan percetakan itu, jelaslah buku ini mungkin sekali buku terlaris di dunia (yang pastinya, buku Melayu terlaris di dunia) kerana cetakan pertamanya hanya 2001 sahaja (bermakna 4 atau 5 kali cetakan setahun!). Sungguh ini suatu fenomenal di dalam sejarah bahasa Melayu. Ary memang pengarang luar biasa, dan dunia Melayu khasnya perlulah tabik kepadanya. Dengan kontroversi yang tercetus di Malaysia dalam bulan Julai 2010 terhadap buku ini, maka dijangkakan kelarisannya akan melonjak lagi.

Buku ini menarik perhatian pengulas ini sebaik sahaja diketahui adanya buku ini pada tahun 2002 dahulu lagi kerana mengikut maklumatnya buku ini mengandungi teori kepemimpinan dan kepengurusan yang berasaskan pada prinsip Islam (khasnya rukun Iman dan rukun Islam); suatu usaha “pengIslamkan ilmu” atau “Islamisasi ilmu” yang berlainan sekali. Namun hasrat itu tidak kesampaian sehingga kini setelah termotivasi dek kontroversi terhadap buku ini seperti yang disebut di atas. Puncanya beberapa orang ulama termasuk Mufti terkenal, Harussani, dan mantan Mufti Johor, Noh Gadot, berjaya diserak oleh Ary untuk membuat pernyataan berbentuk iklan yang muncul dengan kerapnya di dada akhbar menyatakan kehebatan program pelatihan berdasarkan buku *ESQ 2008* ini yang diadakan sejak sekitar setahun-dua yang lepas di sekitar Kuala Lumpur. Akan tetapi baru-baru ini seorang Mufti, Mufti Wilayah Persekutuan kini, Wan Zahidi, berpendapat sekurang-kurangnya 11 perkara di dalam buku *ESQ 2008* itu bercanggah dengan Islam seperti yang disiarkan di dalam akhbar *Sinar Harian*, Rabu 21 Julai 2010 sehingga Latihan itu tidak didizinkan berjalan di Wilayah Persekutuan) dan *Harakah 9-12 Ogss 2010* yang juga menghebahkan laman Mufti Wilayah itu yang mengandungi kritikan penuhnya terhadap ajaran di dalam “*ESQ Leadership Training*” yang buku *ESQ 2008* itu menjadi buku teksnya. Kami hanya akan mengulas singkat pendirian Mufti Wilayah Persekutuan itu pada akhir makalah ini sahaja.

2. PengIslamam Ilmu di dalam *ESQ* 2008

“PengIslamam ilmu” yang popular sehingga kini pun ialah hanya sekadar mengukuhkan apa sahaja ilmu kontemporier dari Barat dengan ayat-ayat (*ayaht-ayaht*) *al-Qur'aan* yang sengaja ditafsirkan supaya serasi dengan ilmu berkenaan itu. Lihat sahaja betapa larisnya buku Danial Zainal Abidin “*Meneroka Kecemerlangan Quran daripada Teropong Sains*” terbitan tahun 2007 yang sekurangnya sudah 8 kali cetakan semula sehingga tahun 2009, dan bagaimana larisnya buku-buku Harun Yahya (yang berkarya dalam bahasa Turki dan terjemahan Melayunya diterbit oleh Saba Muslim Media itu) dan buku Arip Kosmo, “*Pengukuhan Akidah Menerusi Penghayatan Sains Dalam Al-Quran*” terbitan tahun 2007 yang beroleh anugerah buku UKM tahun itu dan kini sudah cetakan ke-3. Ini manifestasi kelemahan umat Islam amnya yang seolah-olah hanya mahu berlindung dirinya di rumah orang lain, orang kaya, yang dianggapnya pemiliknya penuh ehsan, sedangkan makanan yang sering diterimanya penuh dengan kearsenikuman¹.

Kaedah ini sebenarnya sudah berkrun berlakunya kerana selama itulah orang Islam melarat lebih-lebih lagi di dalam pemilikan ilmunya, tetapi tidaklah serancak sejak akhir dasawarsa tahun 1970-an dahulu apabila sarjana daripada suku-sakat tuan rumah kediamannya sendiri melakukannya. Kepopularannya dicetuskan oleh Maurice Bucaille (Perancis dan bukan Islam) menerusi karya asalnya *La Bible, le Coran et la Science* (1976) dan terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris *The Bible, the Qur'an and Science* (1978), dan bahasa Melayu juga dalam tahun 1978 begitu “berjaya” melakukannya [dengan menunjukkan serupanya beberapa unsur sains kontemporier dengan ilmu yang ditafsirkannya ada di dalam *al-Qur'aan*], dan disambut dengan meriah dan gahnya oleh seluruh umat Islam sehingga Bucaille menjadi seorang sarjana selebriti segera. Ini membuka mata hati “sarjana”, “cendekiawan”, atau penulis Muslim yang sudah lama diasuh meletakkan sains Barat itu sebagai satu kebenaran yang setanding dengan agamanya, maka lahirlah kaedah “pengIslamam ilmu” sebegini dengan berleluasanya. Itulah diagnosis munculnya, contohnya, buku-buku yang laris jualan yang tersebut di atas itu.

Kaedah pengIslamam ilmu mengikut gaya Bucaille itu dinamai kaedah Bucaille dan falsafahnya Bucailleisme serta pengikutnya atau pendokongnya Bucailleis. Istilah ini dicipta oleh Ziauddin Sardar, seorang sarjana-wartawan penggiat pengIslamam ilmu yang terjulang namanya pada sekitar 1980-an hingga 1990-an menerusi pembentukan kumpulannya yang dinamainya *Ijmalis* yang diketuai olehnya dan

dianggotai oleh Merrylyn Wyn Davis (ahli antropologi-sosiologi), Jerome Ravetz (ahli falsafah sains), Parvez Manzoor (penulis-pemikir Islam) dan Munawar Ahmed Anees (ahli biologi-falsafah) yang semua memang banyak menghasilkan karya-karya umum tentang pengIslamam ilmu bukan gaya Buccaille, yang jauh lebih menarik dan bermakna lagi, segi kecendekiawanan atau kesarjanaan, tetapi tidak menjadi laris jualan. Bucailleisme memang tidak diperku oleh bukan sahaja *Ijmalis* tetapi lebih bermakna lagi oleh para pemuka awal pengIslamam ilmu seperti Ismail al-Faruqi, Seyyed Hossein Nasr, Sayed Muhammad Naquib al-Attas dan ideolog mereka ini di Malaysia, ASASI (lihat penjelasan hampir semua aliran PengIslamam ilmu di dalam Shaharir 1990 dan khusus untuk Bucailleisme sahaja, khasnya aspek kenegatifannya, ada dibicarakan di dalam Shaharir 2009a). Satu daripada **natijah yang belum diutarakan selama ini tentang Bucailleisme ini ialah betapanya fahaman ini boleh menyemarakkan uculisme atau liberalisme dan jamakisme atau pluralisme.** Uculisme di sini bermaksud fahaman bebasnya mentafsir *al-Qur'aan* dan *al-Hadith* mengikut kehendak ilmu kontemporer daripada dunia bukan Islam demi penyerasan ilmu itu dengan Islam; sumber utama Islam itu tidak lagi menjadi titik-tolak pembinaan ilmu kontemporer sehingga ilmu kontemporer itu tertapis menerusi turas Islam dan Islam pun memotivasiikan penginovasian atau penciptaan baharu ilmu yang lebih serasi dengan Islam. Jamakisme itu jelas berlaku di dalam Bucailleisme kerana sains Barat itu dibina atas emosi dan ruhani Barat yang pelbagai asal-usulnya walaupun yang dominannya ialah Bucailleisme, kapitalisme, sosialisme, tabiisme, ateisme (komunisme hanya daripadanya sahaja) atau yang kami namainya apedulisme (fahaman tidak peduli agama); namun semua sains ini disesuaikan menerusi tafsiran baharu *al-Qur'aan* dan *al-Hadith* untuk diserasikan dengan Islam, hingga jadilah semua agama sebenarnya sama sahaja. Kesimpulan ini semakin benar berlakunya kerana sains yang sama juga sedang dan setengahnya sudah pun dirasionalkan tafsirannya supaya serasi dengan agama-agama lain selain Islam seperti yang masyhurnya keserasian Buddhasme, Zenisme dan Taoisme dengan fizik moden (teori Einstein dan mekanik quantum) yang dilakukan oleh Capra (1978/2004), Zukav (1979/1984), dan khusus keserasian Buddhasme dengan sains yang sama oleh Balasubramaniam (1992), keserasian sains amnya dengan Hindu oleh Raganathananda (1991), dan keserasian Kristian dengan fizik moden oleh Polkinghorne (2007) dan Schindler (1986). Oleh itu semua agama bertemu dan bersetuju dengan “kebenaran sains kontemporer” itu. Dengan kegiatan ini dicampur dengan Bucailleisme itu, maka sudah **muncullah satu aliran pemikiran bagi pertemuan semua agama untuk meraikan bersama akan kebenaran sains kontemporer yang**

bolehlah dinamai serasisme. Tentunya sudah ramai pihak yang berkata, “Bukankah ini manifestasi bukti samanya semua agama!?”.

Buku ESQ 2008, ternyata memang bukan karya yang bebas Bucailleisme sepenuhnya, kerana masih banyak unsur tersebut di sana-sini di dalam buku itu yang dinyatakan pada banyak konteksnya kemudian. Namun sedikit kritikannya terhadap teori Maslow (1943), Drucker (1954/1993), teori *EQ* Goleman (1999) dan teori *SQ* Zohar-Marshall (2001) serta usahanya menginovasikan teori *SQ* dan *EQ* Barat itu berasaskan prinsip Islam itulah yang meletakkannya sebelah kakinya di luar rumah Bucailleis dan seterusnya menarik perhatian para pengkaji pengIslamam ilmu terutamanya dan sebahagian masyarakat Islam amnya. Pengarang *ESQ 2008* memang ada menyebut dua buah buku yang mempengaruhinya berkarya sehingga terbitnya buku beliau, *ESQ 2008* ini, iaitu buku Goleman (1999) yang pernah menjadi buku laris jualan dunia untuk beberapa tahun dan buku Zohar (bersama Marshall, 2001; yang pernah menjadi laris jualan juga) yang masing-masing dianggap dunia sebagai pencipta *EQ* (*Emotional Quotient*) dan *SQ* (*Spiritual Quotient*). Kritikan beliau terhadap dua buah karya ini ternyata hanya sedikit sahaja dilakukan di dalam bab terakhir *ESQ 2008* itu. **Beliau tidak pun menunjukkan berbezanya konsep emosi Goleman itu dengan emosi di dalam Islam, *akhlaq al-Karimah*, yang ditonjolkan kewujudannya di dalam *al-Qur'aan* oleh beliau sendiri, bahkan nampaknya dianggapnya sama sahaja dengan emosi Barat itu.** Begitu juga ruhani (atau istilahnya “*spiritual*”) di dalam *SQ* Zohar-Marshall atau ruhani Kristian di dalam teori kepemimpinan dan kepengurusan Covey (1989/1996) yang cukup kerap dirujuknya dengan positif itu sehingga nampak dianggap tiada beza dengan ruhani Islam. Inilah punca beliau dengan senangnya memberi contoh tokoh-tokoh Barat bukan Islam yang menghayati *SQ* dan *EQ* itu sebagai mereka yang menghayati *ESQ* beliau! Beliau terlepas pandang agaknya bahawa jika seseorang tidak menegaskan perbezaannya antara emosi dan ruhani Barat itu dengan emosi dan ruhani Islam terlebih dahulu, maka sia-sialah teori baharu seseorang itu tentang emosi dan ruhani di dalam kepemimpinan dan kepengurusan berlabelkan Islam itu. Sebabnya, ujian teori baharu itu ke atas seseorang pengurus, pemimpin atau tokoh bukan Islam tetap akan melahirkan hasil yang sama, seperti yang memang dinyatakan secara tidak langsungnya di dalam buku *ESQ 2008* itu. Tegasnya, mereka yang di persada kejayaan sekarang (bukan Islam) kekal di tempat itu juga. Khalifah al-Rasyidin, umpamanya, tidak berada di persada itu, sedang teori Islam semestinya menghasilkan natijah yang mereka yang bukan Islam itu, bagaimanapun hebatnya sekali pun, seperti

**Yang Dihajati Tidak Menjadi: Sebuah Ulasan Buku Ary Ginanjar Augustian,
ESQ 2008**

yang silamnya, Einstein, dan yang masih hidup, Bill Gate, itu hanyalah berkedudukan sedemikian itu mengikut sukanan acuan bukan Islam sahaja. Mereka ini masih belum hebat mengikut acuan Islam kerana misalnya teori Einstein yang berasaskan emosi dan ruhaninya yang bukan Islam itu masih bertentangan dengan ajaran Islam (lihat Shaharir 2008a, 2009b). Oleh itu perlulah sebuah teori baharu lagi yang lebih baik daripada teori Einstein yang selalu diagung-agungkan Barat (bukan Islam) dan malangnya turut disanjung tinggi oleh Muslim seluruh dunia.

Sungguhpun kritikan pengarang *ESQ 2008* itu terhadap teori *EQ* dan *SQ* semasa amatlah sedikit, oleh itu tidaklah memuaskan, tetapi itulah yang mendorongnya untuk melakukan inovasinya supaya sebuah teori *SQ* dan *EQ* yang baharu yang dapat dibinanya sesuai dengan ajaran Islam; dan langkah inilah yang boleh dianggap pengIslamam ilmu yang bukan Bucailleisme itu. Beliau membina teorinya sendiri berasaskan Rukun Iman, Rukun Islam dan sebuah konsep Islam, *Ihsan*. Bahkan hal ini dinyatakan sebagai sebahagian daripada judul bukunya dengan ungkapan di kulit bukunya itu: *The ESQ Way 165. 1 Ihsan 6 Rukun Iman dan 5 Rukun Islam*. Judul ini pun tidak syak lagi menjadi magnet di dalam pemasarannya. Sejauh mana tercapai-tidaknya pengIslamam ilmu beliau ini dibicarakan di bawah ini.

Sebelum itu, kami ingin menyatakan di sini bahawa langkah pengarang *ESQ 2008* yang tidak cukup banyak mengkritik kandungan buku Goleman dan Zohar-Marshall itu khususnya terhadap penyimpangannya daripada, atau tidak serasinya dengan Islam sudah pun menjadi satu daripada kelemahan umum buku *ESQ 2008* itu. Dengan ketiadaan kritikan itu, pembaca tidak dapat mengetahui, mengikut pandangannya, sejauh mana berbezanya atau samanya konsep *EQ* Goleman dan *SQ* Zohar-Marshall dengan yang konsep beliau sendiri. Satu lagi kelemahan umum buku ini ialah ketiadaan hasil perbandingan ujian *ESQ* seseorang mengikut buku *ESQ 2008* (seperti berasaskan ujian di bahagian lampiran buku itu) berbanding dengan ujian *EQ* dan *SQ* masing-masing berasaskan karya Goleman dan Zohar-Marshall terhadap beberapa orang tokoh yang berjaya di dunia sekarang sehingga menunjukkan teori *ESQ 2008* itu lebih baik daripada kedua-dua teori Barat itu.

Dalam buku *ESQ 2008* dinyatakan Senjata Manusia Berjaya: *Zero Mind, Rukun Iman, Rukun Islam, Ihsan dan Bilangan 5 dan 6*. Sejauh mana tidak tepatnya penegasan ini dibicarakan di bawah ini.

Seluruh buku *ESQ 2008* ditulis dengan andaian bahawa manusia yang hebat pemikirannya atau kepemimpinan atau kepengurusannya atau

manusia yang berjaya besar ialah manusia yang berdaya karya yang tinggi; manusia yang mampu menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapinya dengan penuh daya ciptanya. Sebahagian besarnya andaian ini benar tetapi pengarang *ESQ 2008* terlepas pandang pada sebahagian lagi yang pentingnya pada seseorang manusia yang dianggap berjaya, iaitu manusia yang bijak mewujudkan benda (suasana, masalah, ilmu, teknologi dsbnya). **Bahagian penciptaan ini tidak dibicarakan di dalam *ESQ 2008* itu sehingga ketiadaan aspek ini menjadi satu daripada unsur kelemahan buku ini.** Dalam hal “manusia berjaya” sebagai penyelesai masalah, pengarang *ESQ 2008* percaya bahawa manusia yang berjaya itu ialah yang tidak dipengaruhi oleh apa-apa, manusia yang bebas, manusia yang diistilahkannya sebagai memiliki “Zero Mind” itu. Oleh itu, bab pertama (istilahnya “Bagian Satu”) buku *ESQ 2008* itu ditumpukan kepada isu pengosongan minda ini, “Zero Mind Process” atau istilah beliau yang lainnya “Penjernihan Emosi” (di Daftar Isi), “Perjernihan Hati” (pipi 83), “Penjernihan Jiwa” (pipi 338), dan “Pembentukan hati dan pikiran yang jernih dan suci” (pipi 83). Selepas itu beliau membicarakan kaedah “Pembinaan Mental” atau “Mental Building”, diikuti oleh “Personal Strength” atau “Ketangguhan Peribadi”, “Social Strength” atau “Ketangguhan Sosial”. **Beliau sengaja memastikan setiap perkara ini dibicarakan dengan 5 , 6, atau 7 komponennya atau sub-perkaranya, iaitu sesuai dengan bilangan Rukun Islam, Rukun iman, dan tambahan satu benda yang dinamainya *ihsan*.** Berbeza dengan Rukun Islam dan Rukun Iman yang memang diketahui umum, *ihsan* bukannya istilah yang tidak perlu dijelaskan lebih-lebih lagi *ihsan* (mungkin dengan variasi ejaan *ehsan*) juga bermakna tulus ikhlas, berperasaan Allah sentiasa melihat hambanya sepanjang masa, asyik kepada kecemerlangan (Alhabshi 1994), bahkan tingkat ilmu yang sama dengan *ma'rifaht* (al-Attas 2010). **Lantaran tidaklah wajar *ESQ 2008* tidak menjelaskannya langsung *ihsan* itu** kecuali menyebutnya sebagai penyempurnaan (pipi 190, 230,286,299), dicatatkan pada pipi 29 sebagai “Hati (Value) yang Ihsan pada God Spot”, pada pipi 373, “membangun kejernihan hati yang 1”, dan di sisi kotak *Zero Mind Process* di pipi 396 yang memang tidak jelas maksudnya. Anggapan bahawa segala perkara yang berhubung dengan kejayaan seseorang adalah berdasarkan pada tahap *EQ* dan *SQ* yang diringkaskanya sebagai *ESQ* (masing-masingnya disalah-terjemahnya sebagai “kecerdasan emosi” dan “kecerdasan spiritual” oleh itu gabungannya “kecerdasan emosi” dan “spiritual”) yang terbit daripada amalan tiga Rukun (Rukun Iman, Islam dan *ihsan*) itu. Maka terbitlah bilangan 7 belenggu (iaitu prasangka, prinsip hidup, pengalaman, kepentingan, sudut pandang, pembanding dan fanatism) yang merosakkan *SQ* seseorang dan oleh itu perlu disingkirkan menerusi

“penjernihan emosi” dan sebagainya itu. **Sudahlah bilangan ini Nampak dibuat-buat dan dipaksa-paksa** (seseorang boleh mengurangkan atau menambah lagi bilangan belenggu ini dengan mudahnya), beliau sanggup pula “menyederhanakan” 99 *Asmaul Husna* (yang diiktirafnya sebagai nilai teras, istilahnya *core values*, yang perlu ditanam dan dipupuk penghayatannya oleh setiap manusia yuang ingin berjaya) kepada 7 *spiritual core values*, nilai dasar *ESQ 2008* (dipilihnya *Al-Mukmin*, *Al-Wakil*, *Al-Matiin*, *Al-Jami'*, *Al-'Adil*, *Al-Aakhir*, dan *Al-Sami' + Al-Bashir*; **masing-masingnya pula diterjemah-tafsirnya dengan tidak tepatnya** pula sebagai Jujur, Tanggungjawab, Disiplin, Kerjasama, Adil, Visioner dan Peduli). Penurunan bilangan *Asmaul Husna* ini merosakkan status 99 *Asmaul Husna* yang selama ini dianggap sama penting dan merdeka antara satu dengan yang lain dan dengan menggabungkan pula dua sifat atau nama Allah yang tidak sepatutnya, *Al-Sami'* dan *Al-Bashir*, itu benar-benar berpotensi boleh menjas aqidah.

Dalam hal “Pembinaan Mental” seseorang itu supaya mencapai *ZMP*, *ESQ 2008* menyarankan 6 prinsipnya yang perlu dibangunkan/dimiliki setiap satunya sepadan dengan 6 Rukun Iman, iaitu yang dinamainya “Prinsip Bintang” atau “*Star Principle*” yang sepadan dengan Rukun Iman pertama, “Prinsip Malaikat” atau “*Angelic Principle*” yang sepadan dengan Rukun Iman yang kedua, “Prinsip Kepemimpinan” atau “*Leadership Principle*” yang sepadan dengan Rukun Iman yang ketiga, “Prinsip Pembelajaran” atau “*Learning Principle*” yang sepadan dengan Rukun Iman yang keempat, “Prinsip Masa Depan” atau “*Visionary Principle*” yang sepadan dengan Rukun Iman yang kelima (percaya kepada Hari Kiamat), dan akhirnya “Prinsip Keteraturan” atau “*Well Organised Principle*” yang sepadan dengan Rukun Iman yang keenam (percaya kepada *Qada'* dan *Qadar*). Ulasan kepada pencungkilan setiap prinsip ini akan dibicarakan kemudian. Di sini hanya hendak dibangkit soal yang **nampak diada-adakan tentang bilangan 5 nilai bagi setiap prinsip ini yang diterbitkan daripada setiap Rukun Iman** itu. Contohnya, dikatakannya nilai rasa aman, kepercayaan diri, integritas, kebijaksanaan dan motivasi yang terbit daripada “Kepercayaan kepada Allah” dan begitulah bilangan nilainya daripada prinsip lain-lain atau Rukun Iman yang lain itu. Sepatutnya perolehan nilai daripada Rukun Iman pertama itu diperoleh daripada *Surah al-Ikhlas* atau “Sifat 20” atau sekurang-kurangnya “Sifat 13” (Lihat kitab Ahmad al-Fatdany abad ke-19) yang tidak terikat kepada bilangan 5 itu. Begitu jugalah yang lain-lain itu semestilah berasaskan kepada tafsiran yang asas, piawai dan oleh ulama muktabar. Jelaslah

bilangan 5 nilai daripada setiap Prinsip atau Rukun Iman itu tidak mencukupi, dan lagi sekali berpotensi merosakkan kefahaman seseorang terhadap Rukun Iman itu.

Dalam membicarakan Kekuatan Peribadi, atau istilahnya “Ketangguhan Peribadi” atau yang dipopulkannya ”*Personal Strength*”, bab ke-3 ESQ 2008 menegaskan bagi mencapainya seseorang yang telah memiliki 6 prinsip ”Pembinaan Mental” atau ”*Mental Building*” yang dibicara di dalam bab kedua dahulu itu selanjutnya diutarakannya perlulah memiliki pula 3 pedoman pelaksanaan prinsip itu yang diperolehnya daripada 3 pertama daripada Rukun Islam, iaitu ”Penetapan Misi” atau yang dipopulkannya ”*Mission Statement*” daripada Dua Kalimah Syahadat, ”Pembinaan Karakter” atau yang dipopulkannya ”*Character Building*” daripada *sholaht* lima waktu, dan ”Pengendalian Diri” atau yang dipopulkannya ”*Self Control*” daripada puasa. Setiap satu pedoman ini pula terdapat 6 perkara implikasinya, kecuali pedoman terakhir, ”Pengendalian Diri”, dipilihnya menjadi ada 5 tujuan implikasinya; dan di sini juga **jelas bilangan ini diada-adakan bagi mencapai sebanyak bilangan Rukun Iman atau Rukun Islam itu sahaja.** Contohnya mengikut *al-Qur'aan*, *sholaht* itu penghindar kejahanatan (*Suraht al-Ankabut* 29:45) dan mengubat keluh-kesah (*Suraht al-Ma'arij* 70:19) manakala puasa itu pemupukan *taqwa* (*Suraht al-Baqaraht* 2: 183) tiada di dalam natijah ”Pembinaan Karakter” dan ”Pengendalian Diri” itu. **Rasanya, apa pun sebabnya tiga natijah daripada *al-Qur'aan* ini diabaikan amatlah sukar ditelan oleh para pembacanya.**

Di dalam bab ketiga dibicarakan kekuatan sosial atau istilahnya ”Ketangguhan Sosial” atau yang dipopulkannya ”*Social Strength*” diutarakan 2 prinsip perkara 2 terakhir Rukum Islam itu dengan masing-masingnya bernatijah sebanyak 5 dan 6 perkara, iaitu bilangan Rukun Islam dan Rukun Iman itu juga. Lagi sekali **bilangan natijah ini pun diada-adakan sahaja.**

Sekarang tibalah masanya untuk mengulas setiap satu bab buku itu. Isu pertama ialah ”*Zero Mind Process*”, yang diringkaskannya ZMP (pipi 84), yang memang tidak mahu diterjemahnya (Sama seperti istilah-istilah lain lagi di dalam buku ini kerana ”untuk memudahkan sosialisasi ide dalam era globalisasi”, katanya di pipi xvii) walau pun di pipi 24 beliau menterjemah ”zero mind” sebagai ”pikiran bersih” dan pipi 83 beliau menterjemah-tafsir ”*Zero Mind Process*” sebagai ”pembentukan hati dan pikiran yang jernih dan suci” yang bunyinya elok tetapi bukan itu yang dimaksudkannya sendiri pun. Isu istilah dan bahasa amnya di dalam

buku *ESQ 2008* yang dikira tidak memuaskan itu akan dibicarakan berasingan nanti. Di sini persoalan perkaranya sahaja, dan bagi mengikut rentaknya, istilah *ZMP* dan *ZM* (untuk *Zero Mind*) digunakan. Begitu juga dengan istilah-istilah lain akan dirujuk sama seperti yang dipakai di dalam *ESQ 2008* itu dengan biasanya diungkapkan di dalam tanda kutip.

3. Sukarnya diterima *Zero Mind Process* dan “Suara Hati”

Persoalan pertamanya, wujudkah *Zero Mind* itu?; atau adakah mungkin manusia ini mencapai *Zero Mind* melalui penyingkiran 7 perkara penghambatnya yang disenaraikan di dalam *ESQ 2008* itu (dan telah juga disenarai di atas)? *ESQ 2008* berhujah panjang lebarnya betapanya minda manusia ketika unggulnya (berdaya karya tinggi dan mendapat kebenaran) adalah dalam keadaan *ZM* (terjemahan kami, minda kosong) daripada segala benda kecuali suara hati. [Ada beberapa istilah lain lagi yang digunakan: hati nurani (pipi 7), suara hati nurani (pipi 24), suara hati manusia (pipi 87), suara hati *ilahiah*, suara hati spiritual (pipi 86 dan 103), semuanya terjemahan *self conscience*); dan satu lagi yang terpencil, kesadaran diri (terjemahan *self awareness*, di pipi 9). **Suara hati inilah kononnya kepintaran yang dianggapnya sentiasa membawa kebenaran!** Isu yang agak seanalognya telah lama dipolemikkan di dalam falsafah Barat dan Tamadun Islam, iaitu yang diistilahkannya di dalam bahasa Latin, *tabula rasa* (yang bermakna slet kosong atau papan batu kosong), yang dari segi falsafah/epistemologinya ada mazhab yang berpendapat manusia ini dilahirkan *tabula rasa* yang bermaksud manusia dilahirkan tanpa apa-apa binaan mentalnya, dan apa-apa pengetahuannya atau kepintarannya datang daripada pengalaman dan persepsinya sahaja. Inilah yang melahirkan perbahasan yang tidak berkesudahan hingga kini, tabii lawan asuhan (*nature versus nurture*) atau yang berimanya sediakala lawan sediabela: mereka yang percaya kepada manusia *tabula rasa* berpihak kepada asuhan atau sediabela (e di dalam “emas”), iaitu pengasuhan, pembelaanlah atau pemeliharaanlah yang menentukan sahsiah, kelakuan emosi dan sosial serta kepintaran (*intelligence*; di dalam *ESQ 2008* *intelligence* ialah “intelektual”, walaupun ada sekali rasannya diistilahkannya sebagai “otak” di pipi xvi. Tentang Istilah ini dibicarakan berasingan lagi di dalam isu bahasa nanti). Mengikut Wikipedia di internet (lihat Rujukan), perbahasan tentang *tabula rasa* ini bermula sejak Aristoteles (diInggeriskan sebagai Aristotle) lagi yang bertentangan dengan pandangan Plato (yang diArabkan sebagai Aflatun). Plato/Aflatun percaya aqal (Latin: *intellectus*) atau minda (Latin: *mens, mentio*; Yunani: *memona, mantis*)

**Yang Dihajati Tidak Menjadi: Sebuah Ulasan Buku Ary Ginanjar Augustian,
ESQ 2008**

seseorang ada sejak sediakala, tabii, semula jadi atau azali lagi, bukannya terbina atau menerusi pengalaman hidup manusia itu. Ramailah sarjana Tamadun Islam yang berpegang kepada falsafah Plato/Aflatun. Namun Ibn Sina (abad ke-11 M) adalah sarjana yang kuat memegang kepada Aristoteles, manusia *tabula rasa* (iaitu aqal atau *intellectus* manusia ketika dilahirkan itu tiadalah apa-apa, kosong). Begitu jugas dengan Ibn Tufayl/Tufail (DiLatinkan sebagai Ebn Tophail atau Abubacer drp nama pertamanya) dalam abad ke-12 M yang karyanya berkenaan manusia *tabula rasa* yang diterjemah ke dalam Latin dalam kurun ke-17 M dan mempengaruhi pandangan ahli falsafah Barat yang masyhur, John Locke (ahli falsafah Inggeris yang meninggal 1707), tentang benarnya manusia *tabula rasa* yang melahir empirikisme/tajrabisme Lock itu. Gerejawan abad ke-13 M turut berbahas hebat tentang pandangan Aristoteles dan Plato dengan menyaksikan kemuncaknya pada Thomas Aquinas (berpegang kepada Plato) melawan St Bonaventure (berpegang pada Aristoteles) yang nampaknya memihak kepada Aquinas yang percaya kepada *tabula rasa*. Thomas Hobbes (ahli falsafah Inggeris yang meninggal pada 1679) dianggap sarjana Barat penentang teori *tabula rasa* John Lock kerana beliau berpendapat setiap manusia memang dilahirkan mementingkan diri. Namun teori manusia *tabula rasa* mengatasi lawannya dan menjadi popular dan dianuti umum Barat dalam akhir abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20. Setiap orang yang percaya kepada gen atau baka yang menentukan kepintaran seseorang adalah tidak berpihak kepada manusia *tabula rasa*. Mahathir, dalam bukunya *Dilema Melayu* atau versi asalnya *The Malay Dilemma* (tahun 1970-an) juga tidak percaya kepada manusia *tabula rasa* apabila beliau percaya kepada gen Melayu yang lemah (Kini dipercayai beliau sudah berubah daripada pendirian beliau yang dahulu itu). Walau bagaimanapun sejak pertengahan abad ke-20, Barat semakin condong kepada manusia bukan *tabula rasa* ekoran daripada persoalan penentuan tupuan/rimuan (daripada tuan-puan/rijal-muannath/gender) dan kajian kelakuan manusia kembar.

Sementara ahli sains Barat masih belum menyelesaikan masalah ini, ajaran **Islam lebih bersifat pertengahan *tabula rasa* dengan bukan *tabula rasa*** kerana adanya hadith masyhur riwayat Ahmad, yang bermaksud kanak-kanak dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci, putih bersih dan sebagai) dan ibu-bapanyalah yang menentukan Majusi-Nasraninya kanak-kanak itu. Ungkapan “putih bersih” dalam hadith ini tentunya bukannya bermakna minda kosong atau “zero mind”, atau *tabula rasa*; bahkan minda kanak-kanak itu sudah dilahirkan dengan benih “nilai Islam”. Benih inilah yang boleh berkembang subur atau mati

**Yang Dihajati Tidak Menjadi: Sebuah Ulasan Buku Ary Ginanjar Augustian,
ESQ 2008**

kemudiannya menerusi pendidikan (formal, informal dan nonformal) dan sebagainya itu. Di dalam Islam juga ada ajaran yang menegaskan dalam setiap badan manusia itu ada seketul *qalb* (diterjemah sebagai hati selain ditransliterasikan kepada kalbu); baik-buruknya manusia itu bergantung pada kesihatan *qalb*-nya itu. (Hadith Riwayat Bukhari). Ini pun tidak bermakna manusia itu *tabula rasa* sepenuhnya. Penetapan makna *Qada'* dan *Qadar* mengikut aliran *ahl Sunnah wa al-Jamaah* pun memutuskan kedudukan pertengahannya antara *tabula rasa* dengan bukan *tabula rasa* atau sediakala dengan sediabela. Kesimpulannya, suara hati wujud sediakala sebagai benih kebenaran sahaja dan menerusi jenis pendidikan kelak benih berkembang subur atau tidaknya sehingga tidaklah mungkin suara hati itu sentiasa membawa kebenaran.

Ajaran Kristian yang meresap masuk ke dalam teori kepemimpinan dan kepengurusan memang meletakkan suara hati di tempat yang suci, yang sentiasa bercakap benar, ialah yang diutarakan oleh Stephen Covey di dalam karya laris jualannya sejak cetakan pertamanya 1989, dan diterjemah kepada pelbagai bahasa termasuklah bahasa Melayu Malaysia dan Indonesia (masing-masingnya terbitan 1994 dan 1996). Anehnya, tiadalah pula (yang kami dengar) sebarang reaksi negatif daripada para ulama terhadap karya ini walaupun sudah begitu lama di pasaran.

Pengarang ESQ 2008 pun cukup banyak merujuk buku Covey yang menonjolkan nilai Kristian ini di merata tempat karyanya itu, walaupun tiadalah pengakuannya yang buku itu juga mempengaruhinya sedangkan intipatinya sama sahaja. Mungkinkah buku ini juga sebenarnya sekurang-kurangnya menjadi sumber inspirasi pengarang ESQ 2008? Beliau bahkan menegaskan ketika membicarakan peranan bahan bacaan dalam pemikiran manusia menegaskan Muslim seluruh dunia memang banyak terpengaruh dengan ajaran Covey (pipi 180). Di dalam falsafah moden ajaran bertuhankan diri seperti ini terdapat di dalam falsafah John Satre (mati 1980), wujudisme atau eksistensialisme. Namun tiadalah falsafah ini disebut pun di dalam *ESQ 2008* itu. Falsafah ini terlampaui ekstrim, iaitu mengenyahkan semua ajaran agama!

Mazhab-mazhab pemikiran atau falsafah sains Barat yang dominan sejak 1960-an ialah pemikiran Kuhn dengan teori paradigma sainsnya (lihat terjemahan karya suntingan keduanya 1970 terbitan 1997 oleh DBP; suntingan pertamanya 1962), Lakatos dengan teori atur cara penyelidikan sainsnya (lihat terjemahan karya suntingan keempatnya 1984 terbitan 2002 oleh UKM), Feyerabend dengan teori kaedah tentangannya (lihat karyanya suntingan ke-4, 2010; suntingan pertamanya 1975), dan Popper dengan teori pemalsuannya (lihat karyanya suntingan

ke-2, 1968, cetakan ke-15, 2008 dengan terjemahan kepada Melayu Indonesia 2008; suntingan pertamanya 1958). Setiap satunya berbicara tentang tabii perkembangan sains tetapi setiap satunya tidaklah berganjak dengan andaian bahawa pembinaan idea, prinsip, hipotesis, premis dan sebagainya di dalam sains adalah berasaskan pada intuisi (suara hati), rasional, atau pendirian anarki (mengikut Feyerabend) dan pemalsuannya (mengikut Popper) yang dipersetujui oleh sebuah komuniti yang berkongsi dan menghayati sistem nilai yang serupa. Tiadalah kebenaran mutlak yang terbit daripada sains Barat selama ini, malah mereka ini mematikan fahaman itu. **Tiadalah juga berlakunya pengosongan minda atau *Zero Mind Process (ZMP)* seperti yang diperkatakan di dalam *ESQ 2008* itu di kalangan ahli sains Barat (termasuk yang ditonjolkan namanya di dalam *ESQ 2008* seperti Copernicus dan Einstein) yang terpancar daripada kajian mereka ini terhadap korpus sains Barat selama ini.** Pemikiran mereka ini yang samanya ialah bagaimana mereka ini membina falsafah sains yang menolak agama sebagai komponen sains. Mengikut penilaian sarjana teis (Muslim dan bukan Muslim) mereka ini masih belum berjaya. Mereka juga tidak berjaya mencapai kata sepakat terhadap hasil perkembangan sains selama ini, iaitu adakah melonggok atau berlonggok-longgok hasil peninggalan sains yang diabaikan.

Sarjana yang bergiat di dalam “pengislaman ilmu” bukan aliran Bucailleisme semuanya berpegang kepada falsafah bahawa sains apa pun dan oleh siapa pun adalah sarat nilai, dan oleh itu sains moden pastinya sarat nilai (emosi dan ruhani) modenisme atau pasca-modenisme dengan segala macam –isme itu yang setiap satunya sarat pertentangan dengan Islam dan oleh itu mereka menggesa supaya sains daripadanya perlulah ditapis menerusi saringan nilai (emosi dan ruhani) Islam sehingga sains itu berkemungkinan terpaksa ditolak semuanya atau dilakukan inovasi mengikut acuan nilai Islam. Hasilnya nanti ialah sains Islam yang tidak semestinya dogmatik atau statik kerana Islam juga membenarkan perbezaan pendapat dan inovasi (*bid'aht hasanaht*). **Tiadalah seorang pun sarjana besar pengIslam sains yang mengesyorkan berlakunya semacam ZMP itu bagi mendapat idea benar di dalam kegiatan pengisian pengIslam sains itu.**

Contoh yang dibicarakan di dalam *ESQ 2008* tentang pertapaan, uzlah, atau khalwat sebagai kaedah mendapat kebenaran, makna kehidupan atau menyelesaikan masalah yang diamalkan oleh para nabi (diberi contohnya Nabi Ibrahim ‘AS, Nabi Musa ‘AS, dan Nabi Muhammad S.A.W) bukan bermakna mereka itu mahu mengosongkan minda terlebih dahulu tetapi memfokuskan atau memumpukan² jiwanya

**Yang Dihajati Tidak Menjadi: Sebuah Ulasan Buku Ary Ginanjar Augustian,
ESQ 2008**

kepada emosi dan ruhani keIslamam di dalam mindanya yang sedia ada yang melalui kehidupan bermasyarakatnya menjadi bercampur-gaul dengan unsur-unsur bukan keIslamam. Kaedah ini memang diamalkan hingga sekarang oleh para pemimpin (organisasi atau negara), para penyair dan seseorang seniman atau pencipta (termasuk ilmuwan) amnya tetapi kata sifat Islam itu mungkin diganti dengan kata sifat yang lain seperti emosi dan ruhani kapitalisme, sosialisme, sekularisme atau sebagainya. Namun berbezanya natijah daripada cara ini, para nabi beroleh wahyu (yang sentiasa betul atau benar) atas pilihan Allah padanya, tetapi manusia biasa selamanya tetap hanya beroleh ilham atau intuisi/wijdan-suara hati atau inspirasi yang tidak semestinya betul atau benar. **Hanya di dalam ajaran Hinduisme (selain Kristianisme yang telah dibicara sebelum ini) memang ada unsur-unsur beribadat mengosongkan minda mengikut pengertian ZMP di dalam ESQ 2008 itu seperti yang terkandung di dalam Bhagavadgita yang membawa seseorang kepada taraf suara hati Krishna atau kesedaran Krishna** (Lihat Bhaktivedanta Swami 1983/2008).

Dengan pandangan di atas, **ZMP di dalam ESQ 2008 itu, jelas secara sedar atau tidaknya oleh pengarangnya, adalah bertentangan sepenuhnya dengan konsep tabula rasa warisan Yunani yang bertentangan dengan pemikiran Islam yang dominan; selari dengan konsep suara hati warisan Kristian yang diangkat martabatnya sebagai asas teori kepengurusan dan kepemimpinan Covey; serasi dengan ajaran Hindu tentang martabat suara hati Krishna atau kesedaran Krishna; dan agak selari juga dengan falsafah wujiudisme Sarte yang setiap satunya juga tidak serasi dengan ajaran Islam.** Buat sementara ini pembajikan yang pantasnya yang patut dilakukan ialah menggantikan ZMP dan yang berhubung dengannya itu dengan konsep penghakisan sistem nilai (PSN) seseorang yang bertentangan dengan sistem nilai Islam. Sistem nilai ini dalam bahasa *EQ* dan *SQ* yang dibicarakan di dalam buku *ESQ 2008* ialah aqal, emosi dan ruhani yang semuanya perlu dibezakan antara yang Barat dengan yang Islam.

Dalam perbincangan *ZMP* itu sendiri banyak contoh mereka yang dianggap berjaya yang dipaparkan di dalam *ESQ 2008*, yang terdiri daripada sarjana/tokoh Barat (bukan Islam), kyonnya mengiktiraf pentingnya *ZMP* di merata tempat bukunya itu. Namun tiada pula dengan jelasnya tokoh-tokoh itu ditunjukkan memang pernah mengamalkan *ZMP* itu. Tokoh-tokoh yang disebut itu ialah MacScheler (yang dipetiknya sebagai wakil sarjana Barat yang mengiktiraf perasaan cinta kebaikan itu azali), Paul Sarbanes dan Michael Oxley (dianggapnya sarjana berjasa Barat kerana menjadi pemprakarsa/inisiator penintaan nilai ruhani

(tentunya ruhani Barat) di dalam semua perusahaan yang berdaftar di *The Security Exchange Commission/SEC*, AS), Dale Carnegie (telah lama terkenal dengan karyanya di dalam komunikasi yang komponen dominannya memanglah emosi), Victor Frankle (ahli psikologi Barat yang dipetiknya sebagai seorang yang membuktikan kepentingan modal ruhani/spiritual capital lebih daripada modal kebendaan/material capital), Kouzes dan Postner (dengan karya besarnya, *Leadership Challenge* 2002 yang mengiktiraf emosi sebagai perkara dominan). Seterusnya diheretnya lagi tokoh-tokoh yang dibicarakan oleh Downs di dalam bukunya *Books that Change the World* (atau versi terjemahannya di Indonesia, *Buku-buku Pengubah Sejarah*) dan tokoh-tokoh yang dikaji oleh David Schwartz di dalam bukunya *Keajaiban Berpikir Besar* (atau versi asalnya, *The Magic of Thinking Big*) yang kedua-duanya dipetik dengan positifnya, walaupun belumlah terbukti atau dibuktikannya sendiri oleh pengarang *ESQ 2008* itu yang mereka itu melalui *ZMP*. Bahkan tiga orang sarjana agung di dalam bidang kepintaran atau kecerdasan abad ini yang diakui pengarang *ESQ 2008* sendiri juga menjadi inspirasinya, Goleman (bapa *EQ*) dan Zohar & Marshall (bapa *SQ*), tidaklah diketahui yang mereka ini mampu berkarya sebegitu menggegarkan dunia di abad ini kerana melalui proses *ZMP* atau tidak. Yang terkenalnya, seperti yang sudah disebut sebelum ini, para pemikir agung dan sarjana besar itu biasanya mengakui menggunakan **intuisi** atau istilah warisan tamadun Islamnya **wijdan** yang tidak pernah pula dikaitkan oleh sesiapapun lagi yang penajaman intuisi ini semestinya alah menerusi *ZMP* itu, walaupun menerusi *thariqaht* di dalam sesebuah ajaran tasawuf atau sufi yang dikatakan sampai di maqam *kasyaf*, menikmati tahap kenikmatan *dzawq* dan sebagainya itu. Apapun hal ini tidak pula dibicarakan di dalam *ESQ 2008*; bahkan di dalam *ESQ 2008* itu ada hanya sedikit sahaja bicara tentang intuisi (pipi 118-120), iaitu sebagai unsur sampingan di dalam gagasan “suara hati” itu. Petikan di dalam *ESQ 2008* tentang pandangan Muhamad Abduh bahawasanya *iman* (kepada Islam) itu wujud pada minda manusia sejak azali lagi juga tidak membuktikan benarnya teori *ZMP* itu. Ini hanya menyatakan benih keimanan seseorang sahaja yang tidak mungkin kekal begitu sebaik sahaja kanak-kanak itu membesar kerana “persekitaranlah pula yang mendidiknya” sebagaimana yang ditegaskan oleh dua *hadith* masyhur yang telah disebut sebelum ini.

Perbincangan banyak berkisar pada bagaimana 7 perkara penghambat kesucian suara hati yang mempengaruhi pemikiran seseorang itu perlu disingkirkan dengan cara yang diperakukan itu. Andaian besarnya ialah manusia ini sudah dilengkap dengan fitrah baik

yang dikendali oleh “suara hati”, iaitu manusia ini bukannya *tabula rasa*. Jika seseorang dapat mengosongkan semua benda lain maka yang tinggalnya hanya kebaikan sahaja, “suara hati”, yang kononnya berada di suatu tempat di dalam minda atau otak manusia itu dan dinamainya *God Spot* atau Titik Tuhan. Katanya keputusan manusia berasaskan suara hati ini tentunya betul! Apa-apa masalah, tanyalah “suara hati.... Sama dengan satu ungkapan di dalam sebuah lagu klasik Melayu nyayian P.Ramlee dan Normadiah, “tanya sama hati, apa asal sayang”. Tentunya “suara hati” yang dimaksudkannya itu bukannya intuisi itu kerana sudah banyak terbukti ilmu atau keputusan yang dikatakan oleh pencipta atau pembuat keputusan itu “berdasarkan intuisinya” kemudiannya didapati tidak betul!

Kebetulan ada buku laris jualan yang membicarakan intuisi ini yang diistilahkan sebagai “kelipan mata” atau *blink*, iaitu *The Blink* karya pengarang terkenal kini, Gladwell (2005/2007) yang cuba meletakkan intuisi pada tempat yang lebih sepatutnya lagi. Keperluan menggunakan instuisi ialah ketika seperti pada masa yang sangat terdesak dan banyak pembolehubahnya dan kehebatannya. Bicaranya menjadikan buku itu laris jualan! Benarlah tradisi Islam, terutamanya aliran sufi, meletakkan *wijdan* sebagai satu daripada kaedah sains yang tinggi martabatnya tetapi tidaklah meletakkannya seolah-olah sama dengan wahyu (iaitu sentiasa betul). **Pengarang ESQ 2008 mungkin terlampaui mengikut kata hatinya apabila meletakkan “suara hati” sebagai sumber kebenaran, kalau pun jika tidak dipengaruhi oleh ajaran agama atau sarjana lain.** Bahkan kata pepatah Melayu, “ikut rasa binasa, ikut hati mati”, dan ini tetap ada nilai kebenarannya juga, bahkan pepatah ini mengajar kita supaya berwaspada juga terhadap “hati” kerana kita bukan nabi atau rasul yang hatinya dihembusi wahyu lalu mendapat sifat maksum itu. Orang lain tidak pernah mendapat sifat itu!

4. Kritikan Teori Maslow yang Masih Tidak Menghayati Tradisi Islam

Walau bagaimanapun ada beberapa ketikanya pengarang *ESQ 2008* boleh dipuji dengan beberapa kritikan membina terhadap teori-teori Barat di dalam buku beliau ini dan seterusnya melakukan pengIslamannya. Di dalam bab pertama ini, perihal *ZMP* itu, beliau mengkritik teori Maslow (1943) tentang hierarki keperluan asasi manusia yang dikatakannya teori itu terbalik hierarkinya (pipi 56). Katanya perkara ini disedari sendiri oleh Maslow pada akhir hayatnya! Namun tiadalah rujukan yang diberi tentang teori Maslow asal dan perubahan pendiriannya ini. Katanya lagi, keperluan “spiritual” adalah keperluan pertama manusia bukannya

keperluan akhir. (Istilah terjemahan Inggeris bagi hal ini di dalam teori Maslow ialah *self-actualization*, yang mungkin sekali sudah lama juga diterjemah kepada bahasa Melayu sebagai swa-aktualisasi atau aktualisasi diri/kendiri/sendiri, bahkan *ESQ 2008* sudah mengambil “aktualisasi diri” di pipi 388). **Malangnya, beliau langsung tidak merujuk pandangan Islam yang muktabar** seperti al-Attas (1996) yang selalu menyebut tiga tingkat perkembangan keperluan manusia: *nafs al-amaraht*, *nafs lawwaamaht* dan *nafs al-mutdma'innah* bagi menggantikan teori Maslow itu; dan baru-baru ini kami (KuPELEMA 2008) jumpa di dalam manuskrip Melayu lama (beberapa abad yang lepas; warisan Tamadun Islam juga) penahapan yang lebih terperinci lagi sehingga kepada 7 peringkat *nafs*; yang terakhir dan tertingginya *nafs kamal* dengan perinciannya selepas *nafs lawwamaht* itu ialah *nafs mul-hdamah*, *nafs mutdmainnah*, *nafs raa-dhiyah*, *nafs mar-dhiyah* dan *nafs kamal*. **Ini benar-benar mencabar lagi pengIslamam ESQ 2008 terhadap hierarki keperluan manusia itu.** Perbandingan teori keperluan manusia mengikut teori Maslow dengan teori Islam ini mungkin sekali membuat karya kritikan ilmu Kontemporier yang ditunggu-tunggu oleh Muslim amnya.

5. Pengaruh de Bono?

Pengarang *ESQ 2008* juga nampaknya meminjam ungkapan sarjana pemikiran berdaya karya Barat yang terkenal, **Edward de Bono, tanpa sebut hormat kepadanya**, kerana antara puluhan buku karya de Bono itu tentang pemikiran sisi/lateral yang masyhur itu ada sebuah daripadanya berjudul *The Six Thinking Hat* yang persis sama sosoknya dengan nama pemikiran yang berasaskan *Asmaul Husna* itu sebagai 99 *Thinking Hat* (pipi 69-72; yang diterjemahnya di pipi 109 sebagai Topi Berpikir 99 Suara Hati). Aneh juga, tiadalah sebarang rujukan kepada karya de Bono di dalam *ESQ 2008* itu, sedangkan kaedah pemikiran de Bono berpengaruh besar di dalam dunia pemikiran berdaya pengaryaan yang menjadi isu yang diminati dan cuba dimodelkan menerusi *ESQ 2008* itu. Berfikir menggunakan *Asmaul Husna*, selain kesilapan “penyederhanaan” beliau yang disebut sebelum ini, memang suatu daya pengkaryaan yang bitara, walaupun contoh yang diberikan di pipi berkenaan (pipi 69-72) itu tidaklah meyakinkan sangat akan kerelevannya sehingga menjana keputusan yang diambil itu.

Apa pun perbincangan belenggu yang keenam kepada ZMP, “Pembanding”, adalah yang terburuk berbanding dengan perbincangan belenggu-belenggu yang lain itu. Contoh yang lebih canggih dan tinggi pemikirannya perlulah diperoleh.

6. Gaya Penumpangan Sekaki dalam penulisan di “Bagian Satu” dan Berikutnya

Suatu yang lumrah berlaku di dalam penulisan tentang keunggulan pandangan, prinsip atau teori Islam ialah pemberian contoh orang bukan Islam yang didakwanya bersesuaian dengan pandangan Islam dan sebagainya itu. Ini yang kami namainya gaya penulisan penumpangan sekaki yang menjadi ciri penghayatan Bucailleisme itu. Gaya ini amatlah mengecewakan pembaca yang kritis, dan tidak membantu mengukuhkan keunggulan Islam yang dicita-citakan itu. Karya *ESQ 2008* ini memang banyak berlakunya perkara ini kerana gaya yang sama seperti yang telah disebut di atas dan sebenarnya di dalam bab-bab selanjutnya juga. Di dalam bab ke-1 (“Bagian 1”) ada dua contoh yang menyumbang kepada keadaan ini. Pertamanya ketika diberinya contoh sarjana Barat (bukan Islam), David Schwartz yang dikatakannya menulis tentang kebaikan *Asma al-Husna* dengan berlapik “tanpa disadarinya”. Bahkan dikatakannya karya David Schwartz ada idea yang sepadan dengan suara hati ilahi khususnya sifat Allah, *Al Kabiir* (pipi 80). Dengan penonjolan sebegini, persoalannya ialah apa perlunya seseorang mengetahui Islam dan khususnya *Asma al-Husna* dalam menerbitkan sesuatu konsep atau ilmu ini sedangkan ilmu yang sama sentiasa dapat diterbitkan oleh “orang luar” (orang bukan Islam) dan lebih awal daripada orang Islam! Sampai bila orang Islam mahu menurut orang bukan Islam, jika kita hanya asyik mengeyakan³ teori mereka menerusi agama kita? Seseorang boleh juga menyimpulkan bahawa, sekurang-kurangnya dalam hal ini, apa-apa nilai di dalam agama Schwartz itu samalah dengan yang di dalam Islam. Bukankah ini unsur jamakisme? Contoh keduanya, ialah pemilihan perkara yang bukan sahaja tidak bersumberkan Islam tetapi bersumberkan propaganda musuh Islam, seperti propaganda Yahudi. Ini berlaku apabila *ESQ 2008* menonjolkan filem *Life Is Beautiful* (di pipi 38-41) untuk menegak sebuah pandangan yang jika dianggap murni sekalipun, dicemari oleh propaganda Yahudi. Filem ini terkenal dengan unsur propaganda Yahudi dan menjadi faktor kemenangan anugerahnya juga! Ini mungkin sekali kesilapan pengarang *ESQ 2008* yang tidak sengaja sahaja, tetapi kalau mengikut teori “suara hati” beliau itulah agaknya ketika dia kurang “berhati-hati”. Contoh-contoh lain lagi disebut satu persatunya kemudian.

7. Penjelasan Peranan Rukun Iman Pertama yang tidak Kesampaian

Dalam bab ke-2 (Istilahnya “Bagian 2”), pembicaraan ditumpukan kepada cara-cara meningkatkan *EQ* seseorang yang diistilahnya sebagai “Pembinaan Mental” atau “*Mental Building*” itu. Di sinilah (dan bab-bab berikutnya) daya pengaryaan *ESQ 2008* semakin tertonjol, iaitu khususnya bagaimana pengarangnya dapat menggunakan Rukun Iman sebagai landasan pemikirannya. Kelemahannya selain taasub kepada bilangan setiap perkara sebanyak 5 di dalam setiap 6 prinsip daripada Rukun Iman itu, yang telah disebut sebelum ini, ada lagi beberapa yang wajar ditimbulkan di sini.

Dalam membicarakan 5 nilai daripada Rukun Iman pertama “kepercayaan kepada Allah” dengan 99 nama itu (“*Asmaul Husna*”) tidak dibicarakan dengan baiknya, bahkan nilai “kebijaksanaan” sukar ditentukan tempat bicaranya. Penulisan di bawah judul intuisi (pipi 118) hanya membayangkan adanya hubungan intuisi dengan “suara hati” atau “rasa” sambil memaparkan dua petikan *ayah al-Qur'aan*: satu pada awal judul dan satu pada akhir judul “Intuisi” itu, tanpa tafsiran apa-apa!. Di dalam awal-awal prinsip yang dibicarakan di bawah judul “*Spiritual Wisdom*” (pipi 106-109) pun tiada bicara hal kebijaksanaan itu. Yang dikaitkan dengan “kebijaksanaan” ialah “99 Thinking Hat (Topi Berpikir 99 Suara Hati)” yang dijadikannya sebagai “sumber suara hati” lalu menyenarai (tanpa banyak bicara) 5 contoh dorongan daripada 5 nama Tuhan pilihannya. **Yang merosakkan hujah-hujanya ialah apabila beliau memberi contoh peribadi bijaksana yang hebat itu daripada tokoh bukan Islam**, iaitu Levi Strauss! Dikatakannya Levi Strauss menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh syarikatnya dengan adil dan bijaksana yang boleh dijadikan contoh sebagai orang yang mengamalkan “kesatuan tauhid atau prinsip esa” dengan menggunakan *Asmaul Husna* (pipi 108). Ini satu contoh unsur Bucailleisme yang jelas memupuk uculisme dan jamakism itu. Kemudian “Integritas” dibicarakan tanpa apa-apa yang bersangkut dengan Rukun Iman pertama kecuali sekadar petikan *Suraht Ali 'Imran* 3: 121 pada mula judul bicara tetapi tanpa tafsiran apa-apa (gaya begitu dilakukanya di merata tempat buku *ESQ 2008* ini). Nilai “rasa aman” ditegaskan sahaja muncul menerusi kepercayaan diri kerana “keyakinan akan Allah Yang Agung”; “Yang Abadi” (pipi 112) timbul kerana “berprinsip pada suatu yang Kekal” (dengan petikan Stephen Covey yang kurang relevan, di pipi 113), bercontohkan peninju besar, Prince Naseem Hameed yang berpegang kepada fahaman “Yang Terbesar (*The Greatest*) itu hanya Allah” atau

Laa ilaaha Illallaah (pipi 114), “kembali kepada prinsip” dan “berpegang kepada Tuhan” tanpa penjelasan apa-apa (pipi 115), atau menerusi pengakuan wujud “Yang Esa” (pipi 116) di samping, lagi sekali, memberi contoh orang bukan Islam pula, Fareira (pipi 117), menghayati ciri yang dibicara! Akhirnya motivasi daripada ucapan sepanjang masa “ Maha Besar Allah” atau “Allah Akbar” (sepatutnya “*Allahu Akbar*”) di pipi 120-121. Begitu ringkasnya bicara itu mengurangkan keyakinan terhadap pandangannya itu.

Dalam bicaranya tentang kejayaan rakannya (kerana, antara lainnya, berprinsip “integritas” daripada Rukun Iman pertama yang berinteraksi dengannya), sebagai catatan sisiannya, beliau mendedahkan penerimaan Hadiah berbentuk *GMS* daripada rakannya itu dengan nombor “yang cantik” dengan akhiran “*triple one*” (tiga lipat satu) yang naifnya dipadankan dengan ungkapan *Laa ilaaha illallah* itu (ada tiga kata) agak bombastik dan kurang sesuai dan ada semacam unsur mengada-ada, mengolok-lokkan dan berkelakar dengan ungkapan yang suci itu, bahkan boleh menimbulkan fitnah seperti yang dilaporkan di dalam akhbar *Sinarharian* yang telah dirujuk pada awal makalah ini. Penamaan prinsip pertama beliau daripada Rukun Iman pertama sebagai “*Star Principle*” atau “Prinsip Bintang” juga “tidak kena” kerana membawa kepada konotasi **penyekutuan dengan astrologi**, atau istilah Melayu-Sanskrit, *hora*, atau Melayu pasca-Hindu-Buddhanya, ilmu nujum yang khususnya ilmu Bintang Dua Belas, atau istilah Melayu-Inggeris sekarang horoskop yang penuh khurafat (bertentangan dengan ajaran Islam) tetapi begitu berpengaruh dan berkuasa pada zaman jahiliah yang malangnya masih berleluasa kepercayaannya hingga kini.

8. Bicara Peranan Rukun Iman yang Tidak Kena Sasaran

Bicara prinsip kedua yang dinamainya “*Angel Principle*” atau “Prinsip Malaikat”, walaupun tepat namanya daripada Rukun Iman ke-2, juga mengandungi kelemahan yang serupa, melainkan nilai “integritas” dan “loyalitas” yang jelas terbit daripada sifat Malaikat itu; walaupun ini juga tidak dibicarakan dengan cukup baiknya. Nilai daripada “suka memberi dan mengawal” daripada prinsip ini dikaitkan dengan hanya kepada seseorang yang sering membaca *Basmallah* yang agak jauh daripada Rukun Iman kedua itu. “Komitmen” dibicarakan dengan mengaitkannya dengan ucapan salam yang juga jauh daripada Rukun Iman yang sama. Dua lagi nilai yang disenaraikan sebagai terbit daripada “Prinsip Malaikat”, iaitu “kebiasaan menolong” dan “saling percaya” langsung

tidak dibicarakan. Sebenarnya, nilai “kebiasaan menolong” tidak perlu disenaraikan kerana sudah termasuk di dalam “kebiasaan memberi” itu. Inilah akibat keinginan amat pengarang buku ini, dengan apa cara pun agaknya, menyenaraikan 5 nilai (bilangan rukun Islam) daripada Prinsip Malaikat! Jikalau lah beliau menumpukan kepada tokoh-tokoh malaikat yang besar yang wajib diketahui itu pun (seramai 10 orang itu) nescaya beliau akan mendapat nilai-nilai yang lebih bernes dan asasi lagi walaupun terbebaslah daripada bilangan lima yang dicitainya itu.

9. Prinsip Kepemimpinan yang Tersasar

Prinsip ketiga daripada Rukun Iman yang ketiga diambilnya Nabi Muhammad sahaja sebagai sumber untuk mendapatkan “Prinsip Kepemimpinan”. Ini tidaklah salah. Namun amatlah banyak sudah tulisan tentang kepemimpinan Nabi Muhammad SAW yang malangnya tiada sebuah pun yang dirujuk di dalam *ESQ 2008*. Penumpuan hanya kepada Nabi Muhammad sahaja tentunya tidak berapa kena dengan Rukun Iman itu sepenuhnya kerana 25 orang nabi dan rasul yang wajib diketahui itu tentunya mempunyai sifat kepemimpinan yang bitara yang perlu dicungkilnya walaupun mungkin beroleh lebih daripada 5 atau 6 yang ditaasubinya itu. Apa pun sepatutnya sifat-sifat am seseorang nabi yang wajib ada iaitu *shidiq, amanaht, tabligh* dan *fatdahaht* sahaja pun sudah cukup untuk dicungkil prinsip kepemimpinan daripadanya berbanding dengan tindakannya semacam merayau mencari yang lain yang tidak jelas asasnya. Anehnya ini pun tidak dilakukannya. Benarlah katanya “pemimpin itu adalah pengaruh” tetapi apakah yang menyebabkan seseorang itu berpengaruh itulah yang perlu dibicarakan di dalam mendapatkan prinsip kepemimpinan yang cuba diperolehnya daripada kepemimpinan Nabi Muhammad SAW itu. Tumpuannya kepada 5 tingkat pemimpin agak tersasar daripada matlamat atau matlamat itu bahkan hal tingkat yang kedua, “pemimpin yang dipercayai” yang diturunkannya kepada “integritas” tidaklah penting dalam konteks keseluruhan isunya, iaitu “pembinaan mental” kerana nilai ini sudah pun dibicarakan di bawah prinsip pertama (daripada Rukun Iman pertama itu). Begitu juga tingkat 3, “pembimbing”, yang diturunkannya kepada “pemotivasi”, atau isu motivasi, yang sudah ada di dalam prinsip pertama. Tingkat ke-4, iaitu ‘berkepribadian’ memang bagus perbincangannya dan relevan dengan kepemimpinan sebagai “pengaruh”. Namun tingkat ke-5, perihal pengekalan pengaruh atau yang diistilahkannya sebagai ‘pemimpin abadi’ itu masih banyak yang perlu difikirkannya. Umpamanya beliau hanya menegaskan untuk mencapai tahap itu seseorang perlulah mengikut “suara hati” atau intuisi sahaja kerana kononnya itulah asalnya segala

kebenaran. Beliau bergantung pada pandangan sarjana bukan Islam bernama Sorokin. Gaya menumpang sekaki orang bukan Islam ini diteruskan lagi dengan lebih hebat lagi apabila beliau juga dengan mudah menjual nama Plato, Aristoteles, Plotinus, Augustinus, Thomas Hobbes, Bergson, Spinoza, Jung, Whitehead dan John Mill sebagai tokoh-tokoh pembawa kebenaran ini (pipi 164). Ini suatu kesilapan yang besar! Hampir setiap tokoh itu sebenarnya bercakap atau berfalsafah yang ada banyak unsur yang bertentangan dengan Islam! Pandangan di dalam *ESQ* 2008 yang ekstrim ini sudah pun diperkatakan sebelum ini. **Lagi sekali pendekatan Bucailleisme ini mengundang kepada uculisme dan jamakisme itu. Sesungguhnya isu kepemimpinan amatlah besar dan berat yang tidak mungkin adil dan wajar dibicarakan seperti di dalam *ESQ* 2008 itu walaupun memang agak panjang juga, iaitu 24 halaman (pipi 142-146), tetapi sedikit pun tiada rujukan dilakukan kepada khazanah ilmu ini di dalam tradisi Islam (bahkan khazanah di dalam rumpun Melayu serta Barat mutakhir sebagai perbandingan) bagi mendapatkan prinsip kepemimpinan yang bernas daripada Rukun Iman ke-3 itu.** Lihat perincian isu ini di dalam Shaharir (2008).

10. Tafsir Baru *Iqra'* dan *al-Faatihah* yang Mengundang *Bid'ah Dhalaalaht*

Bicaranya tentang “*Learning Principle*” atau “Prinsip Pembelajaran” daripada Rukun Iman ke-4, berimankan kitab-kitab Allah, pengarang *ESQ* 2008 mengambil *al-Qur'aan* kepada *ayaht* pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, iaitu *Iqra' ...itu*. Tiadalah masalahnya dengan mentafsirkan perkataan itu, yang terjemahan harfiahnya memang “baca” itu, bermakna bukan sahaja membaca biasa (baca dan faham bahkan menilai dengan kritisnya), apatah lagi membaca tanpa kefahaman, bahkan sesuailah dengan ungkapan Melayu seperti “dia tak dapat baca peristiwa itu”. Akan tetapi beliau meneruskan tafsiran membaca itu dengan “membaca keluar (*Outer Journey*)” dan “membaca ke dalam (*Inner Journey*)” (kedua-dua padanan istilah itu rasanya kurang tepat), serta menjadikan *al-Qur'aan* sebagai pedoman ada menimbulkan masalahnya. Pertamanya, **rasanya dua konsep pembacaan ini pastinya bukan karyanya tetapi beliau tidak pula memberi sumber asalnya**. Katanya “membaca ke dalam” bermaksud “mengenal dan berfikir tentang eksistensi diri serta Tuhan sebagai Pencipta” manakala “membaca keluar” bermaksud menjawab soalan makna sesuatu benda, tujuan benda dan sebagainya sehingga jawabannya itulah menjadi sains; dan jika digabungkan kedua-duanya itu, katanya lagi, akan memperlihat *Asmaul*

Husna. Ini rasanya sumbangan *ESQ* 2008. Kalau begitu tafsirannya, maka *Iqra'* itu bukan sekadar membabitkan berfikir secara kritis, “evaluasi dan sempurnakan”, dan menjadikan *al-Qur'aan* sebagai pedoman tetapi *Iqra'* itu lebih tepat dikatakan sebagai pembelajaran dan penyelidikan (mentelaah, mengkritik, menilai dan mentafsir,...menginovasi, membina semula ilmu dan membina teknologi). Ini bermakna prinsip ke-4 sebagai “Prinsip Pembelajaran” atau “*Learning Principle*” itu tidaklah tepat. Ahli sains, teknologi atau lain-lain tidaklah hanya belajar sahaja! Namun tepatlah apabila *ESQ* 2008 mengatakan “isi al-Qur'an adalah tuntunan pembangunan alam pikiran atau Iman. Petunjuk pelaksanaannya disebut, dan langkah penyempurnaannya adalah Ihsan” (pipi 190).

Malangnya beliau agak keterlaluan apabila menegaskan amalan *Iqra'* itu sudah diamalkan oleh semua sarjana besar barat sejak Zaman Yunani (dengan contohnya Archimedes), Galileo, Copernicus, Einstein, dan Picasso, oleh itu katanya membawa kebenaran; sedangkan pandangan mereka ini ada yang salah dan ada yang sedang dikritik hebat dan malah sudah ada pandangan alternatifnya. Beliau juga **membuat kesilapan menyamakan kaedah Nabi mendapat wahyu (yang sentiasa benar) dengan kaedah sains daripada pelaksanaan *Iqra'* oleh para ilmuwan atau pemimpin (diri, kelompok, organisasi atau negara), seniman, ikhtisas dan sebagainya yang tertakluk kepada kesilapan.** Sekaligus teori “penjernihan jiwa” atau *ZMP*, suara hati, dan *God Spot* beliau itu penuh persoalannya seperti yang telah diperkatakan sebelum ini. Lagi pun **tidaklah benar dikatakan di dalam bab ini bahawa Nabi Muhammad SAW mendapat kebenaran (wahyu) menerusi *ZMP*, mengasingkan diri seperti ke Gua Hira' sahaja, atau ketika lainnya menerusi mimpi sahaja.** Kebenaran mutlak (*al-Qur'aan*) itu turun beransur-ansur selama hampir 23 tahun dan kebanyakannya ketika baginda menghadapi masalah di *Madinah* semasa baginda menjadi jeneral dan pemimpin negara. Oleh itu banyaklah wahyunya diperoleh secara tiba-tiba sahaja, atau tegasnya, bukan dengan cara menyisih dirinya daripada masyarakat! Contohnya, *Suraht al-Nas* diterimanya semasa baginda sakit; *al-Ikhlas* ketika menjawab pertanyaan sekumpulan Yahudi yang mengadap baginda; *al-Kaafirun* ialah jawaban baginda ketika beginda menerima tawaran dan ajakan sekumpulan Musyrikin yang mengadap baginda. (Lihat *Asbabun Nuzul* seperti oleh Qamaruddin drk. 1987). **Pengarang *ESQ* 2008 juga membuat penegasan yang kurang tepat dan mengelirukan apabila beliau mengatakan teori Galileo dan Copernicus itu ada di dalam *al-Qur'aan* (*Suraht Yunus* 10:5) kononnya ahli sains Barat-Kristian ini**

mengamalkan teorinya dan seterusnya mengamalkan *Iqra'*. Mana betulnya! Teori mereka ini sudah dibuktikan palsu oleh Einstein pada awal abad ke-20 dahulu. Dengan contoh ini pun, Bucailleisme itu sudah menimbulkan masalah atau persoalan tempat seseorang mahu berlindung sekarang? Di bawah *al-Qur'aan* atau Einstein? Sungguhpun tafsiran *al-Fatihah* di dalam *ESQ 2008* memang tinggi daya karyanya, tetapi memadankan nilai yang ada di dalam *al-Fatihah* dengan nilai *Bushido* adalah suatu yang tidak perlu, bahkan merosak martabat *al-Qur'aan*. Memasukkan *Amiin* sebagai sebahagian daripada *Suraht al-Fatihah* juga mengelirukan dan boleh menyesatkan, bahkan *bismilah* sebagai sebahagian *Suraht* itu pun sudah cukup kontroversinya.

11. Bukti Mukjizat *al-Qur'aan* yang tersasar

Pada pipi 184-187, pengarang *ESQ 2008* juga tersalah pilih dengan terikut-ikut merasionalkan kehebatan (mukjizat) *al-Qur'aan* menggunakan statistik bilangan kali kemunculan sesuatu perkataan, paradigma perkataan sepadan dan berlawanan, sinonim dan sebagainya, yang dipetik daripada karya Abdul Razaq Nawfal dan **teori kod 19** oleh **Rasyad Khalifa**. Pendekatan telah diisytihar sesat dan menyesatkan oleh ramai ulama. Mukjizat *al-Qur'aan* yang lebih bermakna dan patut dirasionalkannya ialah yang dicabar oleh Allah sendiri supaya sesiapa yang mempersoalkan *al-Qur'aan* itu cuba berkarya sebaik *al-Qur'aan* itu walaupun sekalmah ayat (*Suraht 2:23, 10:38, 11:13, 17:88* dan *52:34*) atau yang lain yang tiada kontroversinya.

12. Beberapa kelemahan Bicara Prinsip Visi daripada Rukun Iman yang Kelima

Perbincangan Prinsip ke-5, “*Vision Principle*” atau “Prinsip Masa Depan” (padanannya yang kurang tepat rasanya), yang diperoleh daripada Rukun Iman ke-5, percaya kepada kiamat, juga banyak kelemahannya. Pertamanya Prinsip ini sepatutnya menjadi satu daripada Prinsip Kepemimpinan (diakui olehnya sendiri di pipi 362) yang dibicarakan sebelum ini oleh itu tiadalah Prinsip ke-5 ini di sini. *ESQ 2008* menyatakan 5 perkara yang muncul daripada “Prinsip Masa Depan” itu pada akhir perbincangannya, malangnya cara penulisannya tidak mengikut jujukan (urutan) perkara ini, malah beliau tertinggal membicarakan dengan jelasnya tentang “optimalisasi upaya”. Lagi pun **konsep optimalisasi manakah yang dipakainya kerana setiap konsep optimum yang ada sekarang berakarkan emosi dan ruhani Barat** kecuali yang baharu diusahakan oleh Shaharir (2006). Beliau banyak menumpukan kepada bicara kepentingan “vision” atau “visi” dan satu

daripada perkara di dalamnya, iaitu ‘berorientasi tujuan’ dengan orientasi jangka pendek, jangka menengah dan jangka panjang yang disatukan dengan dua lagi perkara di dalam prinsip ke-5 beliau ini, iaitu Kendali Sosial dan Ketenangan Batiniah. Lagi sekali walaupun bicaranya penuh dengan unsur keIslamam tetapi **contoh-contoh untuk pengukuhan bicaranya semuanya tokoh-tokoh Barat sehingga Nero Gila** itu pun diambilnya. Dalam membicarakan kaedah bagi menyelesaikan keraguan, beliau hanya membicarakan ‘metode historis’, iaitu tentunya kaedah statistik (walaupun ini tidak dinyatakan dengan jelasnya), tetapi yang lebih penting lagi **beliau mungkin terlepas pandang bahawa kaedah statistik tidak menjamin tercapainya kebenaran seperti yang banyak diperkatakan oleh sarjana Barat sendiri pun** seperti karya Campbell (2004), dan lebih menarik lagi dan laris jualannya ialah oleh Taleb (2004/2007), sedangkan yang lebih berat dengan isu falsafahnya ialah Lindsay (1999). Contoh yang diberi tentang pengajaran daripada Fir'aun memang sudah terkenal tepatnya; namun beliau sepatutnya memberi contoh yang memerlukan pungutan data dan analisa yang diperkatakannya itu. Contoh tentang alam semesta daripada *Surah Yunus ayah 5* dan perbandingannya dengan ilmu sekarang sudah diberi ulasan sebelum ini akan tidak wajarnya. Beliau perlu mencari contoh yang lebih mudah dan lebih relevan lagi dengan isu sosial dan kemasyarakatan kini yang tentunya memerlukan penyelidikan baharu (tidaklah sesuai dipetik hasil kajian yang sudah tersedia ada!)

13. Anggapan Tabii Hukum Alam dan Sosial yang Salah

Bicaranya tentang prinsip keenam, “*Well Organized Principle*” atau “Prinsip Keteraturan” daripada Rukun Iman keenam, *Qada'* dan *Qadar* itu, tidak kurang kelebihannya. **Kelemahan pertamanya, yang agak besar, ialah percayanya pengarang ESQ 2008 bahawa hukum alam dan sosial ini bersifat kepastian.** Malah beliau membuat kesilapan besar (pernyataan yang ketinggalan zaman) dengan menganggap pastinya hukum alam itu sudah tidak dipertikaikan lagi, oleh itu beliau hanya menegaskan “saya kurang sependapat apabila ilmu sosial tidak disebut sebagai ilmu pasti”. Setiap sarjana yang tidak ketinggalan zaman, Muslim dan bukan Muslim tidak akan bersetuju dengan pandangan *ESQ 2008*. Contoh yang diberi, tentang pastinya sifat manusia balas-membalas (pipi 225) itu pun tidak benar kerana ajaran Islam sendiri tidak menggalakkan ‘jahat di balas jahat’ tetapi jahat pun perlu (tindakan terbaiknya) dibalas baik (*Surah 23 (al-Mu'minuun): Ayah 96* dan *41 (Fushilat): Ayah 34*) dan memang ramai orang mencapai taraf ini. **Beliau juga membuat**

kesilapan dengan mengatakan “*Sunnatullah (ketetapan Allah) adalah suara-suara hati*” (pipi 225) seperti yang telah diperkatakan sebelum ini. Ekoran daripada kesilapan ini, maka banyaklah perbincangan beliau selanjutnya yang tidak dapat diterima. Pendeknya, lima perkara yang diutarakan pada akhir bicara prinsip ke-6 *ESQ 2008* ini (sebagai kesimpulannya) seluruhnya paling lemah di dalam perihal 6 prinsip pembinaan mental di dalam buku ini.

14. Bicara Kekuatan Peribadi daripada 3 Rukun Islam yang Banyak Persoalannya

Dalam bab ketiga (“Bagian Tiga”) buku *ESQ 2008* dibicarakan “*Personal Strength*” atau terjemahannya “Ketangguhan Peribadi” yang ditetapkannya 6 prinsip (sebilangan Rukun Iman) daripada “Pembinaan Mental” itu; dan 3 pedoman (daripada 3 pertama daripada Rukun Islam) yang dibincangkan di dalam bab ini. Pedoman pertamanya, “*Mission Statement*” atau “Penetapan Misi” daripada *syahadaht* itu. Misi ini dikatakannya mewujudkan kekuatan diri dalam 6 perkara (bilangan Rukun Iman lagi) yang dibicarakan dengan penuh penumpuan kepada pengertian *syahadaht* itu tetapi **malangnya semua contoh yang memperkuat hujahnya terdiri daripada tokoh-tokoh bukan Islam** termasuklah Thomas Edison, John Rockefeller, Julius Caesar, Napoleon (sungguhpun ada penulis yang mengatakan Napoleon memeluk Islam, tetapi itupun setelah beliau kalah dan merengkok di penjara), Beethoven, Plato (walaupun ada penulis yang mengatakan beliau pengikut Nabi Islam sebelum ‘Isa bahkan selalu disanjung tinggi oleh sarjana Tamadun Islam yang malah memberi gelaran *al-Hakim* kepadanya dan dituruti oleh Sarjana Melayu abad ke-17 M dahulu seperti al-Ranyry (al-Raniri) di dalam karya agungnya *Bustan al-Salatin*), dan seorang ahli fizik teori yang terkenal dengan pendirian sebagai seorang ateis atau antiagama, Stephen Hawking. *ESQ 2008* bahkan menggunakan kandungan kurikulum pendidikan bakal eksekutif Jepun yang mewajibkan pengucapan “saya juara!” berulang-ulang (100 kali setiap hari) untuk mengukuhkan teori *Repetitive Magic Power* Covey (pipi 272; yang mahu diterjemahnya) bagi mencipta kejayaan dengan melaksanakan *sholaht* 5 kali sehari semalam itu. Dengan pendekatan sebegini, pembaca boleh bertanya apa istimewanya teori Islam beliau jika orang-orang bukan Islam itu boleh “berjaya”; atau apa istimewanya menerusi kaedah sholaht *sholaht* kalau Jepun boleh “berjaya” tanpa *sholaht*? Isunya tentulah makna “berjaya”, dan mendedahkan kelemahan tokoh-tokoh Barat atau bukan Islam yang dianggap “berjaya” atau “berkekuatan peribadi” itu berbanding dengan tokoh-tokoh yang berjaya atau berkekuatan peribadi

mengikut ukuran baru yang berlandaskan Islam. **Pokoknya banyak lagi kerja yang perlu dilakukan oleh pengarang ESQ 2008 atau penyokong-penyokongnya!** Seperti yang disebut sebelum ini kelemahannya berpunca daripada tiadanya perbincangan konsep “berjaya” mengikut Islam yang tentunya berbeza daripada “berjaya” yang lumrah dipakai sekarang dan malangnya masih diikuti oleh *ESQ 2008*.

Perkara kedua yang memberi kekutan peribadi mengikut *ESQ 2008* ialah “*Character Building*” atau “Pembangunan Karakter” yang diasaskan daripada *sholaht*; dan dicirikan kepada 6 perkara lagi (bilangan Rukun Iman lagi). **Seperti yang lepas-lepas, dalam hal ini, kelebihan *ESQ 2008* ialah selalunya menggunakan tokoh-tokoh Barat bukan Islam “yang berjaya” bagi mengukuhkan teorinya; atau mengambil amalan bukan Islam tanpa penilaian kritis terhadap “kejayaan” (bukan bukan mengikut perspektif Islam itu) berbanding dengan kejayaan mengikut perspektif Islam.** Contohnya Mc Craken (pipi 282) mengamalkan intuisi dan sintaian⁴ atau relaksasi menjadikannya seorang pengurus yang “berjaya” tentunya mencabar sebarang kaedah Islam, termasuk yang cuba digariskan di dalam *ESQ 2008* itu. Begitu juga dengan Cooper & Sawaf dengan kaedah peningkatan “kecerdasan emosi” (pipi 286), Killey yang “berjaya” mengamalkan amalan kaedah pengembangan eksekutif *Anderson Consulting* (pipi 287), Einstein dengan caranya tersendiri “menghimpun energi emosi” (pipi 290). *ESQ 2008* mengkritik kaedah ulangan yang disyorkan oleh Stephen Covey (pipi 285) semata-mata kerana tiada contohnya dan lalu seterusnya menegaskan *sholaht*-lah contohnya. Namun bagaimana dengan teori Jepun yang disebutnya sebelum ini dengan positifnya? Bukankah contoh Jepun itu mencabar contoh *ESQ 2008* ini? Nampaknya **di sini pun *ESQ 2008* masih tidak terlepas daripada Bucailleisme yang tidak berfaedah segi pembangunan ilmu Islam atau boleh membahayakan aqidah itu.** Di dalam bab ini juga *ESQ 2008* mengulangi hujah-hujah menegakkan 6 Prinsip “Pembinaan Mental” tetapi kali ini menerusi pelaksanaan Rukun Islam pertama, *Sholaht*. Ini sudah agak bercelaru, bukan sekadar kerana kadang-kadang dikembangkan kepada bukan *sholaht* wajib lagi seperti *sholaht* berjemaah dan *sholaht* dua hari raya, tetapi kerana 6 prinsip itu mulanya dikatakan diperoleh atau diasaskan pada Rukun Iman sahaja. Lagi pun tiada sebab hujah 6 Prinsip itu dibincang lagi kerana sudah satu bab ditumpukan padanya terlebih dahulu. Lebih bercelaru lagi di dalam bab Kekuatan Peribadi atau “Ketangguhan Peribadi” ini ada pula dibicarakan “Social Strength” (pipi 302) sedangkan satu bab yang khas, bab selanjutnya telah pun disediakan

untuk membicarakan perkara ini. Tambahan tidak kenanya ialah memperluaskan hujahnya kepada Rukun Islam ke-5, Naik Haji!

15. Bicara Peranan *Sholaht* dalam Kendalian Diri yang Tak Kesampaian

Di dalam membicarakan implikasi khusus daripada “Pengendalian Diri” atau “*Self Control*”, iaitu “meningkatkan kecakapan⁵ emosi secara fisiologis” (pipi 314-316) *ESQ 2008* memetik kajian Goleman tentang kanak-kanak memakan *marshmallow* yang disediakan yang ditafsirkannya sebagai bukti tajrabi/eksperimen/ujikaji pentingnya berpuasa. Jika pun benar tafsiran ini, ***ESQ 2008 masih belum membuktikan puasa itu menjadikan seseorang bertaqwa*** sebagaimana yang dinyatakan di dalam *al-Qur'aan*, *Suraht al-Baqarah* 2:182, yang dipaparkan di dalam *ESQ 2008* sendiri pada akhir judul perkara yang dibicarakannya itu (pipi 316). Hujah ber-*taqwa* itu ialah tahap tertinggi mengawal emosi sahaja pun masih belum dibuat; tambahan pula ber-*taqwa* bermakna lebih daripada itu.

Sungguhpun perkara ketiga di dalam *Personal Strength* ialah *Self Control* yang diutarakan menerusi amalan berpuasa itu tidak perlu dibicarakan di sini kerana perkara ini sudah dibicarakan pada ketika bab *Mental Building* dahulu lagi, namun pada akhir bicara judul ini ada diberi kritikan lagi terhadap *Management by Objective* oleh Peter Drucker yang walaupun pendek cukup bernas (pipi 324), sama dengan bernasnya kritikan pertamanya di pipi 55 dan 180. Namun begitu **teori pengurusan di dalam ESQ 2008 beliau sendiri pun masih berbau teori Peter Drucker yang dikritiknya itu** kerana masih memetingkan visi atau wawasan, misi, matlamat/objektif dan kawalan, bahkan pentaksiran selanjut (*continuous improvement* di dalam *ESQ 2008*, pipi 194, 255 dan 257) yang diidolakannya menerusi budaya *kaizen* Jepun (pipi 178,190,194, 195,199) dan prinsip PuMuS (Pengurusan Mutu Seluruh)/*TQM* (*Total Quality Management*), walaupun yang terakhir ini tidak pernah dirujuknya. Keadaan sebegini menjadikan ***ESQ 2008 kurang keperibadiannya; bahkan menjadi teori Drucker dan Covey*** (yang cukup banyak/kerap menjadi rujukannya dengan positifnya, contoh pipi 19,180,209,284,285,338,372,424), ***selain daripada berupa bungkusan teori Goleman dan Zohar-Marshall yang disulami dengan prinsip atau nilai Islam atau katanya (pipi 190, 289) akhlaql karimah!***

16. Bicara Kekuatan Sosial menerusi Amalan Haji yang Tidak Memuaskan

Bab ke-4 membicarakan “*Social Strength*” atau “Ketangguhan Sosial” berdasarkan pada dua lagi Rukun Islam itu. Bab ini dijelaskannya sendiri bertujuan mengukuhkan teori Covey (tentang keseimbangan *Production* dengan *Production Capability*), dan Cooper (tentang suara hati atau intuisi) menerusi pelaksanaan Rukun Islam keempat dan kelima, Zakat dan Haji. **Ini kerja Bucailleis lagi** dan kali ini dilakukan dengan jalan yang berliku menerusi “*Strategic Collaboration Sinergi*” dan “*Total Action*” atau “Aplikasi Total” sebagai komponen “*Social Strength*” setiap individu unggul yang setiap satunya ada 6 dan 5 perkaranya (masing-masingnya sengaja diwujudkan mengikut bilangan Rukun Iman dan bilangan Rukun Islam itu). Dalam membicarakan “*Strategic Collaboration Sinergi*” yang terbit daripada penunaian Zakat itu, 5 perkara yang yang terbit daripadanya lagi **tidak dibicara dengan memuaskan tetapi lebih kepada hanya penegasan tanpa hujah yang cukup**. Yang panjang lebarnya ialah hujah peranan Zakat dalam menegakkan 6 Prinsip Pembinaan Mental yang dahulunya dibicarakan berdasarkan Rukun Iman sahaja. **Di samping perbincangannya sering diperkuuhkan dengan contoh pandangan tokoh bukan Islam yang kesannya cukup negatif itu, perbincangan ini agak tidak relevan lagi.** Dalam membicarakan “*Total Action*” atau padanannya “Aplikasi Total” (yang kurang tepat rasanya) yang terbit daripada menuaikan fardhu Haji itu, *ESQ 2008* menonjolkan 6 perkara yang memberi “*Social Strength*” kepada seseorang yang melakukan fardhu Haji itu. Setiap 6 perkara itu terbit dari 4 Rukun Haji (*Niat* dan *Ihram*, *Wuquf*, *Tdawaf* dan *Sa'i*) , 1 Wajib Haji (*Melontar Jumrah*) dan satu yang perlu terjadi, *Jama'ah Haji*. Peninggalan beberapa Rukun Haji yang lain lagi (bercukur dan tertib) dan Wajib Haji yang lain (*Niat* di *Miqat*, bermalam di *Mudzalifaht*, bermalam di *Mina*, meninggalkan segala larangan di dalam *ihram*) di dalam teorinya tentunya amat dikesali oleh Pembaca. **Peninggalan itu adalah yang pelik dan boleh menjadi isu dalam maksudnya Rukun Islam kelimanya itu.** Perbincangan “*Niat* dan *Ihram* menyediakan ZMP” tidaklah perlu dan sesuai kerana, selain daripada adanya unsur khurafat di dalamnya yang dibicarakan sebelum ini, proses ini sudahpun dibicarakan berlandaskan Rukun Iman dahulu. Perbincangan 5 perkara yang lain itu **banyak kali terkeluar daripada mauduknya**, iaitu tiada kaitannya dengan Haji seperti membicarakan mauduk itu berlandaskan *Asmaul Husna*.

17. Isu Bahasa

ESQ 2008 penuh dengan istilah atau ungkapan di dalam bahasa Inggeris yang sengaja dilakukan oleh pengarangnya demi status bahasa Inggeris kini dan mengalahnya pengarang *ESQ* 2008 kepada sejagatisme/globalisme (kata-katanya yang tepat sudah dipetik sebelum ini). Sikap beliau ini amatlah tidak kena kerana langkah beliau itu bukan sahaja menjelaskan keperibadian teori beliau itu, tetapi tidak kurang pentingnya tidak membantu sedikitpun untuk mengangkat martabat bahasanya sendiri, bahasa Melayu (Malaysia atau Indonesia atau di Pascabima/Nusantara/(Alam Melayu/Indonesia)) ke arah menjadikannya satu daripada bahasa ilmu; bahkan merosakkan lagi bahasa tersebut. Dengan sikapnya itu setengah istilah menjadi bahasa kreol atau bahasa rojak seperti “Strategic Collaboration Sinergi” (sinergi dengan i bukan y muncul secara tekal/konsistennya), “value kasih sayang”, “memberi meaning”, “sistem punishment”, “interval waktu”, memiliki skill dan network, dan “Maha Training”. Setengahnya menjadi tidak munasabah/rasional lagi sehingga mempopularkan perkataan atau ungkapan biasa di dalam bahasa Inggeris seperti *a way of life, camper, climber, corporate culture, life cycle, inner beauty, general manager, lifelong learning, meaning, network, on the right track, out of the box, personal strength, photography, quitter, safety box, self control, skill, social strength, spiritual wisdom, value, triple one, use all resources,...* memang banyak sekali! Judul buku itu sendiri menyedihkan, bukan setakat *ESQ* bahkan “*The ESQ Way 165*” itu benar-benar merendahkan martabat bahasa sendiri. Kerja pemasaran buku ini juga mengecewakan dengan menulis seuntai ungkapan Inggeris yang begitu cerlang merah di kulit buku berkenaan dengan ungkapan “*Only For Training*” dan “*Best Seller*”. Apa rendah tarafnya dengan ungkapan yang setaranya di dalam bahasa sendiri seperti “Hanya untuk Pelatihan *ESQ*” (masih sayang *ESQ*!) dan “Laris Jualan”. Banyaklah lagi contoh di dalam teks *ESQ* 2008 yang bertaraf seperti ini. Ada beberapa ketika pengarang *ESQ* 2008 langsung tidak mahu menterjemah sekali sahaja pun (biasanya yang lain ada juga sekali diterjemahkannya semasa pertama kali perkataan atau ungkapan itu muncul) sesepatah perkataan atau seseuntai ungkapan Inggeris seperti *morning briefing, MOU, take over*, petikan Frankl di pipi 10, kata-kata Mitroff dan Denton di pipi 11, *Spiritual Engineering*, petikan kata-kata hikmat di pipi 15 (semua ini di bagian Prolog sahaja; banyak lagi di Bagian-Bagian selanjutnya. Anehnya gaya ini tidak diamalkan untuk petikan di dalam bahasa Arab umpamanya. Memang banyak istilah terjemahan yang dirasakan kurang tepat tetapi yang paling mencolok ialah terjemahan istilah terpenting di dalam buku ini, iaitu *IQ*

(*Intelligence Quotient*), *EQ* (*Emotional Quotient*) dan *SQ* (*Spiritual Quotient*) yang masing-masingnya diterjemahkan (tetapi tidaklah pula mahu dipopularkannya) sebagai Kecerdasan Intelektual (ada sekali disebut kecerdasan otak), Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual. Pertamanya, *Quotient* di sini ialah istilah matematik yang bermakna nisbah atau pembahagian/pembagian antara dua angka, bukannya kecerdasan! Mengikut perakuan istilah MABBIM (Majlis Bahasa Brunei, Indonesia dan Malaysia), istilah *Quotient* ialah Hasil Bahagi, Hasil Bagi atau Nisbah. Istilah “*intelligence*” memang berasal daripada *intellect* yang bermakna aqal, pintar, cerdas, intelek; tetapi istilah *intelligence* tidaklah sesuai dengan “intelektual” atau “otak” bahkan MABBIM memperakukan kepintaran atau kecerdasan. Kamus etimologi bahasa Inggeris pun menyatakan *intelligence* berasal daripada Latin: *intelligentia*, *intelligentum* dan *intellegens* yang juga menjadi kata asal perkataan Inggeris, *intelligentsia* (yang bermaksud sekumpulan intelektual/cendekiawan). Jadi istilah *IQ* yang lebih betulnya ialah Nisbah Kepintaran atau Nisbah Kecerdasan (ringkasnya NKp atau NKc), *EQ* patut digantikan dengan NE (Nisbah emosi) dan *SQ* dengan NR (Nisbah Ruhani) atau NS (Nisbah Spiritual). Di dalam *ESQ* 2008 istilah “kecerdasan” seolah-olah dipadankan dengan *Quotient* dan ini cukup mengelirukan. Setiap cendekiawan atau intelektual harapan bangsa, memang diharapkan merujuk istilah kesepakatan bersama, MABBIM, untuk dipakai kerana istilah ini kini dengan mudahnya dapat diperoleh di internet (laman Departmen Bahasa di Indonesia dan DBP di Malaysia dan Brunei). Namun mengenangkan pengarang *ESQ* 2008 sendiri beberapa kali menegaskan *EQ* atau *EQ + Ihsan* ialah *Akhlaqul Karim* maka sepatutnya beliau berani mengusulkan sebuah istilah baharu sama sekali bagi *ESQ* beliau itu seperti NAKR (Nisbah *Akhlaqul Karimah* dan Ruhani) yang sepatutnya jelas berbeza dengan *ESQ* sebagai gabungan *SQ* dan *EQ* itu kerana *Akhlaqul Karimah* memang berbeza rincinya dengan emosi dan begitu juga ruhani berbeza dengan spiritual. Jelas pengarang *ESQ* 2008 tidak menyedari bahasa juga berperanan mewarnai makna ilmu yang sedia ada apabila diterjemah kepada sesuatu bahasa lain, dan bahasa juga mampu memberi konsep baharu kepada sesuatu perkara yang dahulunya di dalam bahasa lain seperti yang dibicarakan oleh Shaharir (2009b).

18. Beberapa Persolaan Terpencil

Model hubungan manusia-manusia dan manusia-Tuhan berbentuk segi tiga itu (pipi 10), sungguhpun sudah lumrah sedemikian gayanya, tetapi ini terlampau mempermudah-mudahkan keadaan. Jika hubungan yang wujud ialah manusia-manusia secara mendatar dan manusia-tuhan mencancang atau vertikal maka hubungan manusia-manusia-tuhan lebih tepat lagi berupa segi-empat tepat atau bujur sangkar, atau bulatan sahaja (setiap satunya tanpa batasnya, atau tidak termasuk sempadannya). Hubungan berbentuk segi tiga itu tidak menunjukkan “Tuhan berada di mana-mana” dan hubungan manusia-Allah cukup berbeza tahapnya mengikut darjah ke-*taqwa*-an seseorang (tidak terhad kepada rantau segi tiga sahaja)

Model *ESQ* (yang banyak kali dilukis di dalam buku itu; dan diterangkan, contohnya, di pipi 256, dan 383) yang merujuk kepada “gerakan atom (Bohr)” agak ketinggalan zaman kerana model atom mengikut Bohr itu sudah tidak terpakai lagi. Model atom sejak 1926 ialah bersifat ketakpastian yang tiadalah orbit seperti itu tertakrif. Lebih baik model itu digantikan dengan penjelasan mengikut model planet sahaja (rajahnya tidak berubah), walaupun model planet klasik (model Newton) itu pun sudah diabaikan sejak teori Einstein menunjukkan orbit planet tidak lagi berbentuk elips tertutup itu. Memang yang lebih baik lagi ialah model Einstein itu. Model atom mutakhir mungkin terlampau sukar untuk dieksploritasikan bagi tujuan membina model *ESQ* itu, walaupun itu pun boleh menjadi cabaran kepada sesiapa pun.

Beberapa unsur Bucailleisme lagi di dalam *ESQ 2008*, selain yang telah disebut di atas, ialah perkara berikut:

1. Kandungan sebuah karya Dale Carnegie dipadankan dengan *ar Rahman* dan *Ar Rahim* kepada sesama manusia (pipi 80)
2. Jeneral Charles de Gaulle, yang kemudian menjadi Presiden Perancis, dijadikan contoh “loyalitas” dan “integritas” yang unggul (dan memenuhi “Prinsip Malaikat”) di dalam *ESQ 2008* (pipi 128-129).
3. Thomas Hobbes, seorang sarjana Eropah (Inggeris) yang bukan Islam dalam abad ke-17 M, dipetik pandangannya tentang kepemimpinan “tanpa hati nurani” sebagai gaya kepemimpinan yang melanggar garis demarkasi Allah (pipi 143)
4. Thomas Edison, terkenal dengan penemuan elektrik, dijadikan contoh penemu dan pemikir yang boleh diteladani sesuai dengan “*Principle of Learning*” di dalam *ESQ 2008* yang dianggap penuh

keislaman oleh pengarangnya. (pipi 177) itu. Begitu juga halnya, dengan pemimpin syarikat-syarikat Jepun yang dijadikan contoh yang serasi dengan keperluan di dalam “*Principle of Learning*” itu (pipi 178-179).

5. Charles Schwabb dan Bill Gates dijadikan contoh manusia yang memenuhi “*Vision Principle*” di dalam *ESQ 2008* yang dianggap penuh keislaman itu (pipi 203)

6. Setiap karyawan (yang bagus-bagus itu) adalah berprinsipkan *iman* dalam suatu perusahaan (yang sesuai dengan “*Well Organised Principle*” di dalam *ESQ 2008* yang berprinsip Islam itu) termasuklah para karyawan di Taiwan dan Hongkong yang menerap ajaran Konfusius itu (pipi 231)

19. Gaya Rujukan yang Mengelirukan

Pengarang *ESQ 2008* juga bukan sahaja menggunakan gaya pernyataan sumber ilmu yang dirujuknya dengan menggunakan gaya lama, iaitu *ibid.*, *op. cit.* dan sebagainya yang mengelirukan, tetapi juga banyak sumber bacaannya yang tertinggal disenaraikan di dalam senarai “Daftar Catatan Kaki” termasuklah yang penting-penting sekali pun. Contohnya di dalam Prolog ada di sebut Persinger, Ramachandran dan Singer tetapi tiada rujukannya di dalam “Daftar Catatan Kaki” bab ini di dalam “Daftar Pustaka” pada akhir buku ini; begitu juga Peter Drucker yang dirujuk beberapa kali di dalam teks. Sepatutnya setiap rujukan kepada pandangan seseorang tokoh di dalam teks semestinyaalah disediakan sumber rujukan. Ini tidak berlaku seperti sebagai contohnya kami ambil Bagian Tiga *ESQ 2008* ini, nama-nama berikut tiada rujukannya: Maxwell (pipi 349, 362, 365), Emerson dan Laird (pipi 352), Wall Street journal (pipi 356), Rockefeller (pipi 357), Walt Disney (363), Covey (pipi 384), Edison (386), dan Maslow (pipi 388); begitu banyak sekali!

20.Ulasan Khusus Kepada Warta Kerajaan terhadap Ajaran *ESQ*

Warta kerajaan bertarikh 17 hb Jun 2010 yang mengikut akhbar mengistilahkannya sebagai “Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan” menyatakan 10 perkara di dalam “ajaran, pegangan dan fahaman yang di bawa oleh *ESQ Leadership Training* anjuran Ary Ginanjar Agustian” yang “menyeleweng daripada ajaran Islam kerana mengandungi ajaran-ajaran yang boleh merosakkan akidah dan syariah Islam”. Jumlah ini tidak sama dengan yang dilaporkan di dalam akhbar *Sinarharian* 21 Julai itu (kurang satu) dan ini pun masalah akhbar kita sepanjang masa! Enam perkara daripadanya memang ada dan dibicarakan di dalam sorotan buku

ESQ 2000 di atas, iaitu tentang liberalisme mentafsir *al-Qur'aan* dan *al-Sunnah*, kesamaan pencapaian kebenaran oleh para Nabi dengan orang biasa, pencampur-adukan ajaran ruhani Islam dengan bukan Islam, suara hati dan *ZMP*, dan kod 19 sebagai mukjizat *al-Qur'aan*. Kesimpulan kami terhadap perkara-perkara ini agak sama, walaupun kami banyak berhujah secara rasional lagi, dengan yang diungkapkan di dalam Warta Kerajaan itu. Namun ada 4 perkara yang disebut di dalam Warta itu yang tidak setepat seperti yang tertulis di dalam buku *ESQ* 2008 (oleh itu perakuan Warta Kerajaan itu tidaklah begitu tepat; tetapi mungkin juga tepat berdasarkan edaran syarahan atau catatan kuliah di tempat pelatihan *ESQ* itu). Perkara tentang logik itu sebagai sumber rujukan utama, pengingkaran mukjizat, penyamaan bacaan *al-fatihah* dengan amalan *Bushido* dan kaitan kalimah syahadah dengan nombor “*triple one*”. Kami tidak menemui sebarang ungkapan di dalam *ESQ* 2008 yang boleh ditafsirkan bahawa pengarangnya menegaskan “logik” sebagai sumber rujukan utama (bagi ilmu, pengetahuan atau kebenaran), malah banyak perakuan di dalam *ESQ* 2008 itu yang tidak “logik”, tetapi itulah sifatnya ilmu berkenaan emosi dan rohani. Kami juga tidak menemui kata-kata yang boleh ditafsirkan pengarang *ESQ* 2008 itu mengingkari mukjizat cuma dia memperakukan cara Nabi mendapat kebenaran untuk dituruti oleh sesiapa jua pun. Kami juga tidak menemui ungkapan yang memberi makna “menyamakan bacaan *al-Fatihah* … dengan amalan *Bushido*”, tetapi yang ada ialah memadan nilai yang ada di dalam *al-Fatihah* dengan *Bushido*; tetapi kesimpulannya tetap sama, iaitu pengaitan *Bushido* dengan apa-apa tentang Islam adalah suatu yang tidak boleh diterima. Tentang pengaitan *Syuhadah* dengan nombor “*triple one*” itu memang ada tetapi itu cuma satu kelakar penulisannya yang tidak sepatutnyanya sahaja. Dia tidak serius! Ini boleh dikatakan “dosa yang tidak disengajakan” kerana cita rasa buruknya terhadap bahan jenaka.

21. Kesimpulan

ESQ 2008 boleh dipuji dalam konteks melihat ilmu *IQ*, *EQ* dan *SQ* daripada perspektif Islam bahkan melakukan percubaan menginovasikannya supaya lebih sesuai dengan jiwa-jiwa muslim. Percubaannya mewujudkan gabungan teori kepintaran berdasarkan emosi dan ruhani Islam berdasarkan Rukun Iman dan Rukun Islam serta *Ihsan* memang suatu kerja yang berdaya karya/cipta yang tinggi. Namun beberapa konsep yang cuba diketengahkan bukanlah asli Islam malah kadang kala atau “silap-silap” boleh bertentangan dengan Islam, khususnya konsep pengosongan minda, atau *Zero Mind Process (ZMP)* dan pengagungan intuisi atau suara hati setaraf dengan wahyu. Selain itu,

banyaklah pula idea daripada sarjana Barat (bukan Islam) atau amalan tokoh-tokoh Barat (bukan Islam) yang dijadikan contoh teladan atau bukti kebenaran prinsip-prinsip Islam yang diterapkan di dalam teori *ESQ 2008* itu yang boleh menimbulkan cabaran baru kepada keperluan prinsip-prinsip Islam itu dan oleh itu *ESQ 2008* itu. Banyaknya gaya Bucailleis yang terdapat di dalam buku ini adalah berpunca daripada layanannya kepada konsep emosi dan “spiritual” barat dan “kejayaan di sisi Barat” dianggap sama dengan emosi dan ruhani serta “kejayaan” di sisi Islam. Ini nampaknya benar-benar tidak disedari oleh pengarang *ESQ 2008* kerana perkara ini sedikit pun tidak dibincangkan di dalam karyanya ini. Kesengajaannya tidak mahu mempopularkan istilah Melayu (Malaysia atau Indonesia) juga menghilangkan peluang memperkayakan khazanah ilmu peribumi dan sekaligus peluang mencipta identiti ilmu kerana bahasa juga berperanan mewarnai wajah baru ilmu. Enam daripada sepuluh “Fatwa Mufti Wilayah” terhadap *ESQ 2008* memang ada rasionalnya; makalah empat lagi agak kurang dapat dirasionalkan. Namun buku ini lebih baik daripada buku-buku ilmu lain yang tiada unsur pengIslamannya sehingga ilmu itu sarat penuh dengan nilai (emosi dan ruhani) yang bertentangan dengan Islam yang terdapat di dalam negara selama ini. Ini termasuklah buku kepemimpinan dan kepengurusan Stephen Covey yang diterjemah ke dalam bahasa Melayu dan memang menjadi rujukan asas pengarang *ESQ 2008* juga. Oleh itu buku ini masih patut dibaca oleh mereka yang berminat kepada perkembangan ilmu ini terutamanya oleh mereka yang mahu memperbaiki lagi pendekatan Islam terhadap ilmu sukatan kepintaran dan kejayaan. Buku ini tidak juga seharusnya “diharamkan” kerana selain daripada sebab di atas (berbanding dengan buku-buku lain itu) langkah tersebut pada zaman TM (teknologi maklumat) ini adalah langkah yang sia-sia atau lebih menyemarakkan lagi penyebarannya atau pemasarannya.

Nota Hujung

¹ drp arsenikum (Ing: *arsenic*), sejenis unsur beracun.

² Drp perkataan ‘pumpum’ yang ada persamaannya dengan fokus.

³ drp ‘ya’ bermaksud setuju, bukan daripada ganti nama ‘ia’.

⁴ daripada perkataan ‘santai’ (Ing: *relax*); relaksasi drp Ing.: *relaxation*.

⁵ daripada ‘cakap’ bahasa Melayu Indonesia bagi ‘cekap’ dlm bahasa Melayu Malaysia.

Rujukan

- Ahmad al-Fatdany/al-Fathani, (abad ke-19)/2006*Mutiara Ilmu Aqidah*. Terj. Kpd buku asalnya *Faridaht al-Fara'yd fi 'Ilm al-'Aqa'yd*. Kota Bharu: *Jabal Maraqy Enterprise*
- Al-Attas S.M.N. 1996. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*, 2nd ed. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- 2010. Dewesternisasi Ilmu. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 1(2): 3-20
- Alhabshi S.O. 1994. *Islamic values: its universal nature and applicability*, dalam Aidit Haji Ghazali & Syed Othman Alhabshi (Pty), *Islamic Values and Management*, K.Lumpur: IKIM
- Arip M. K. 2007. *Pengukuhan Akidah Menerusi Penghayatan Sains Dalam Al-Quran* (PASAK). Seremban: Awan Biru, Pusat Perniagaan Senawang
- Balasubramaniam. 1992. Explaining strange parallels: The case of quantum mechanics and Madhyamika Budhism. *Internat. Philos. Quarterly* XXXII 2(126): 203-210
- Bhaktivedanta Swami A.C.P. 1983/2008. *Bhagavad-Gita As It Is*. Los Angeles: The Bhaktivedanta Book Trust. Terbitan pertama 1983. Percetakan 2008
- Bucaille M. 1978. *Bibel, Qur-an dan Sains Modern*. Jakarta: Penerbit Bulan
- Campbell S.K. 2004. *Flaws and Fallacies in Statistical Thinking*. Dover Publication
- Capra F. 1978/2004. *The Tao of Physics: an Exploration of the Parallels Between Modern Physics and Eastern Mysticism*. 4th ed. Shambhala. Snt. 1 ialah 1978.
- Covey S.R. 1989/1996. *7 Tabiat Orang yang Amat Berkesan*. Petaling Jaya: Prentice Hall; atau *7 Kebiasaan Manuswia yang Sangat Efektif*. Jakarta: Binarupa Aksara 1997. Kedua-duanya Terj. karya asalnya, *The Seven habits of Highly Effective People*. N.York: Fireside Simon & Schuster Inc. 1989.

**Yang Dihajati Tidak Menjadi: Sebuah Ulasan Buku Ary Ginanjar Augustian,
ESQ 2008**

- Daniel Zainal Abidin. 2007/2009. *Meneroka Kecemerlangan Quran daripada Teropong Sains*. Cetakan pertama 2007, cetakan kelapan 2009. Batu Caves: PTS Millennia Sdn Bhd
- De Bono E. 1985. *Six Thinking Hats: An Essential Approach to Business Management*. Little Brown & Co.
- Drucker P. 1954/1993. *The Practice of Management*. Collins 1993. Cetakan pertama 1954.
- Fatwa Mufti Wilayah. Lihat Warta Kerajaan 2010.
- Feyerabend. P.K. 1975/2010. *Against Method: Outline an Anarchistic Theory*, 4th ed. London: Verso. Terbitan pertamanya 1975
- Gladwell M. 2005/2007. *Blink. The Power of Thinking without Thinking*. Sunt. pertama 2005, sunt. kedua 2007. N.York: Back bay Books
- Goleman D. 1999. *Working with Emotional Intelligence*. N.York: Bantam Book
- Internet. *Tabula rasa*. Wikipedia.http://en.wikipedia.org/wiki/Tabula_rasa
- Kuhn T. 1970/1997. *Struktur dalam Revolusi Sains*. K.Lumpur: DBP. Terj. Buku asalnya “The Structure of Scientific Revolution” snt. ke-2-nya 1970. Ada snt ke-3 terbitan Chicago Univ. Press 1996 tetapi yang berbezanya hanya adanya indeks sahaja. Sunt. Pertamanya 1962.
- KuPELEMA. 2008. Unsur-Unsur Sains Matematik dalam Prasasti dan Manuskrip Rumpun Melayu Dalam bahasa Melayu sejak Abad Kedua hingga Kesembilan Belas Masehi I. *Seminar Etnomatematik Asia Tenggara 1*, Anjuran INSPEM, UPM
- Lakatos I. 1984/2002. *Pemalsuan dan Tata Kaedah Atur Cara Penyelidikan Sains*. Bangi: UKM. Terj. karya asalnya 1984, *Falsification and the Methodology of Scientific Research Programmes*, dlm. A. Musgrave & I. Lakatos (Pnyut.), *Criticism and the Growth of Knowledge*. 4th ed. Cambridge: Cambridge U. Press. 91-196.
- Lindsay J.K. 1999. Some statistical heresies. *The Statistician* 48 part 1: 1-40
- Maslow A. 1943. A theory of human motivation. *Psychological Review* 50(4): 370-396

**Yang Dihajati Tidak Menjadi: Sebuah Ulasan Buku Ary Ginanjar Augustian,
ESQ 2008**

- Polkinghorne J. 2007. *Quantum Physice and Theology. An Expected Kingship*. New Haven and London: Yale University Press
- Popper C. 1968/2008. *The Logic of Scientific Discovery*. Sunt ke-2, 1968, cet ke-15, 2008. N.York: Routledge. Terjemahan ke bahasa Melayu Indonesia terbitan Pustaka Pelajar, Yogyakarta 2008
- Qamaruddin S.KH, Dahlan Haa & Dahlan MD. 1987. *Asbabun Nuzul.Latar Belakang Historis Turunnya Ayat-Ayat Al-Quran*. Klang: Klang Book Centre
- Raganathananda S. 1991. *Human Being in Depth: A Scientific Approach to Religion*. Albany: State Univ. of New York
- Schindler D.L. (Pnyut). 1986. *Beyond Mechanism: the Universe of Recent Physics and Catholic Thought*. London: Univ. Press of America
- Shaharir b.M.Z. 1990. Modes of operations in the quest of Islamic science. *MAAS Journal of Islamic Science* 16 (2): 53-70.
- _____. 2006. Pendekatan baru terhadap konsep optimum Barat dan beberapa konsep optimum baru dalam acuan sendiri. *Kesturi* 16 (1&2): 55-96
- _____. 2008a. Some weaknesses of the Relativity Theory on the basis of cosmological doctrines. Dlm. Senin H.B., Carini G., Abdullah J. & Bradley D.A. (Pnyut.). *Current Issues of Physics in Malaysia. AIP Conference Proceedings*. American Institute of Physics: pp. 75-83
- _____. 2008b. *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Terengganu: UMT
- _____. 2009a. Sains Islam bukan hasil Bucailleisme. *Siasah* 24-30 Mei 2009, dan *Siasah* 1-7 Jun 2009
- _____. 2009b. Pembawaan dan Penyerahan Jiwa Kemanusiaan yang Berbeza mengikut Penghayatan Bahasa dalam Sains Matematik di *Seminar Ulang Tahun INSPEM*, UPM, 12 Mei 2009. *MathsDigest 2009*, 3(1): 1-16
- Taleb N.N. 2004/2007. *Fooled by Randomness. The Hidden Role of Chance in Life and the Markets*. Sunt. Pertama, 2004. Sunt kedua 2007. London: Penguin Books

**Yang Dihajati Tidak Menjadi: Sebuah Ulasan Buku Ary Ginanjar Augustian,
ESQ 2008**

- Zohar D. & Marshall I. 2001. *Spiritual intelligence. The Ultimate Intelligence.* London: Bloomsbury.
- Zukav G. 1979/1984. *The Dancing Wu Li Masters : An Overview of the New Physics.* Reissue edition 1984. Bantam. Terbitan pertamanya 1979.
- Warta Kerajaan 2010. Warta Kerajaan Seri Paduka Baginda Jil 54 No. 12, 17 hb Jun 2010 Tambahan No. 46 Perundangan (B). Fatwa Berkenaan Dengan Kursus ESQ Leadership Training dan Fahaman Yang Seumpama dengannya. Dapat diperoleh di lama Mufti Wilayah Persekutuan.

% % % % % Siap 20 Ramadhan 1431=30 Ogos 2010; diperbaiki mengikut syor pewasit pada 2 Okt 2012% % % % %